

**INTERAKSI MASYARAKAT MELAYU DENGAN ALAM  
DALAM PANTUN GHAIRAH DUNIA EMPAT BARIS :  
SUATU PEMAHAMAN TEORI EKOLOGI**

**ROSHINI A/P BALAKRISHNAN**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**INTERAKSI MASYARAKAT MELAYU DENGAN ALAM  
DALAM PANTUN GHAIRAH DUNIA EMPAT BARIS : SUATU  
PEMAHAMAN TEORI EKOLOGI**

OLEH

**ROSHINI A/P BALAKRISHNAN**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

### TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

### SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_  
\_\_\_\_\_

### SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

### TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

.....  
ROSHINI A/P BALAKRISHNAN

.....  
DR. AFIDATUL SYAZWANI BINTI

AFANDI

Tarikh: 20 Februari 2023

Tarikh:

Nota: \*Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan/sekatan.

## THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

- OPEN ACCESS** I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)
- EMBARGOES** I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.  
Date from \_\_\_\_\_ until \_\_\_\_\_
- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature

Signature of Supervisor

.....  
ROSHINI A/P BALAKRISHNAN

.....  
DR. AFIDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI

Date: 20 February 2023

Date:

Note: \* If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

## PENGHARGAAN

Syukur kepada tuhan kerana berkat dan keizinan dari-Nya, maka saya telah dapat menyiapkan kajian projek penyelidikan ini dengan jayanya. Tugas ini banyak memberi manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian ini. Saya Roshini A/P Balakrishnan ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelaras bimbing iaitu Dr Afidatul Syazwani binti Afandi yang membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang kajian. Puan membantu saya dari segi, membetulkan kesilapan dalam penulisan, perkembangan isi dan idea untuk menghasilkan penulisan yang standard.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya yang sangat membantu saya dari segi kewangan dan sokongan untuk menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Mereka menjadi tulang belakang saya dan sentiasa sokong saya dalam melaksanakan kajian ini dengan baik dan lengkap. Tambahan pula, saya tidak lupa untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada segolongan rakan saya dalam membantu bersama-sama menyiapkan kajian projek penyelidikan ini dengan baik. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya melengkapkan projek penyelidikan ini dengan baik dan sempurna.

Sekian terima kasih.

MALAYSIA  
KELANTAN

# **Interaksi Masyarakat Melayu Dengan Alam Dalam *Pantun Ghairah Dunia Empat Baris*: Suatu Pemahaman Teori Ekologi**

## **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan tentang interaksi masyarakat Melayu dengan alam dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*: suatu pemahaman teori ekologi. Kajian ini dilakukan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat kini dalam penjagaan alam. Hal ini dapat dikaitkan dengan masyarakat Melayu dahulu yang amat menghargai alam serta bergantung kepadanya untuk kehidupan seharian. Selain itu, pantun juga terpahat di hati masyarakat Melayu dari dahulu lagi. Pembentukan pantun dan kemunculannya telah menunjukkan kebijaksanaan masyarakat Melayu secara langsung dan tidak langsung. Sehubungan dengan itu, penggunaan unsur alam telah dijadikan satu kewajipan dalam penciptaan pantun oleh masyarakat Melayu. Bagi objektif kajian kali ini ialah terdiri daripada tiga objektif kajian iaitu mengenalpasti unsur-unsur alam yang terdapat dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* dan objektif kedua pula ialah menganalisis interaksi alam dengan masyarakat Melayu dahulu menggunakan teori ekologi dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* serta mengkaji kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu. Seterusnya, kajian ini dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian teks. Pengkaji juga telah menggunakan teori ekologi iaitu ekosistem dalam kajian ini. Teori ekologi ini merujuk kepada teori kaitan hubungan antara kesusasteraan dan alam yang telah membantu dalam melaksanakan kajian ini. Dapatan kajian ini sememangnya membuktikan bahawa masyarakat Melayu amat rapat dengan alam sehingga kini dan pengkaji juga telah memberi beberapa cadangan dalam menyedarkan masyarakat untuk menghargai alam pada masa kini kerana alam amat penting bagi kehidupan seharian masyarakat.

Kata kunci : *Alam, Pantun, Teori Ekologi*

## ***The Interaction Of Malay Society With Nature In The Ghairah Dunia Empat Baris Poem : An Understanding Of Ecological Theory***

### **ABSTRACT**

*This study discusses the interaction of the Malay community with nature in the poem Ghairah Dunia Empat Baris: an understanding of ecological theory. This study was conducted to raise environmental awareness in today's society. This can be related to the Malay community in the past, which greatly appreciated nature and depended on it for daily life. In addition, poems have also been engraved in the hearts of the Malay community since ancient times. The formation of the poem and its appearance have shown the wisdom of the Malay community, both directly and indirectly. In connection with that, the use of natural elements has been made an obligation in the creation of poems by the Malay community. As for the objective of this study, it consists of three research objectives, which are to identify the elements of nature found in the poem Ghairah Dunia Empat Baris: the second objective is to analyse the interaction of nature with the Malay community in the past using ecological theory in the poem Ghairah Dunia Empat Baris; and to study the importance of poems as a symbol of the wisdom of the Malay community. Next, this study was carried out entirely using a qualitative approach, which is a text study. The researcher has also used the ecological theory of the ecosystem in this study. This ecological theory refers to the theory of the relationship between literature and nature that has helped in carrying out this study. The findings of this study indeed prove that the Malay community has been very close to nature until now, and the researcher has also given some suggestions for making the community more aware of how to appreciate nature nowadays because nature is very important for the community's daily life.*

**Keywords :** *Nature, poem, Ecological Theory*

## SENARAI KANDUNGAN

### KANDUNGAN

PENGESAHAN TESIS

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK

### KANDUNGAN

### MUKA SURAT

#### BAB 1

#### PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	
1.6.1 Individu	12
1.6.2 Masyarakat	12
1.6.3 Negara	13
1.7 Skop dan Batasan Kajian	14
1.8 Definisi Operasional	
1.8.1 Interkasi	15
1.8.2 Alam	15
1.8.3 Pantun	16
1.8.4 Teori Ekologi	16
1.9 Organisasi Kajian	17
1.10 Kesimpulan	20



**BAB 2****TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	21
2.2 Tinjauan Literatur Pantun Melayu	21
2.3 Tinjauan Literatur Hubungan Alam	27
2.4 Tinjauan Literatur Teori Ekologi	32
2.5 Tinjauan Literatur Kepentingan Pantun Melayu	35
2.6 Kesimpulan	36

**BAB 3****METADOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	37
3.2 Rekabentuk Kajian	38
3.3 Kaedah Kajian	40
3.4 Proses Pengumpulan Data	41
3.4.1 Kaedah Kepustakaan	41
3.4.2 Kajian Analisis Tekstual	42
3.5 Kaedah Analisis Data	43
3.5.1 Kaedah Analisis Tekstual	43
3.5.2 Kaedah Analisis Struktural	44
3.5.3 Kaedah Analisis Teoritikal	44
3.6 Kesimpulan	

## BAB 4

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	46
4.2 Definisi Konsep Alam	47
4.3 Unsur alam yang terdapat dalam Pantun	
4.3.1 Flora	48
4.3.1.1 Bunga	49
4.3.1.2 Pokok	49
4.3.1.3 Buah	50
4.3.1.4 Tebu	52
4.3.1.5 Padi	53
4.3.2 Fauna	54
4.3.2.1 Penyu	54
4.3.2.2 Burung	54
4.3.2.3 Ikan	55
4.3.2.4 Udang	56
4.3.2.5 Ayam	56
4.3.3 Fizikal/Inderawi	57
4.3.3.1 Paya	57
4.3.3.2 Batu	58
4.3.3.3 Pulau	59
4.3.3.4 Angin	59
4.3.3.5 Hutan	60
4.3.4 Ciptaan Manusia/Buatan Manusia	61
4.3.4.1 Bangunan	61
4.3.5 Cakerawala	63
4.3.5.1 Awan	63
4.3.5.2 Matahari	63
4.3.5.3 Bulan	64
4.3.5.4 Bintang	64

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

4.4 Interaksi Alam dengan Masyarakat Melayu dahulu	66
4.4.1 Flora	66
4.4.1.1 Alat kecantikan	66
4.4.1.2 Perubatan	68
4.4.1.3 Bahan ritual	71
4.4.2 Fauna	
4.4.2.1 Sumber Makanan	74
4.4.3 Inderawi	
4.4.3.1 Kemudahan Pengangkutan	76
4.4.3.2 Bekalan Oksigen	78
4.5 Kepentingan	
4.5.1 Media Komunikasi	80
4.5.2 Alat Penyampaian	81
4.5.3 Bahan Menyatakan Kehidupan Masyarakat	82
4.6 Kesimpulan	83

## BAB 5

## KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	84
5.2 Perbincangan	84
5.3 Cadangan	87
5.3.1 Pihak Dewan dan Pustaka	87
5.3.2 Pihak Media Massa	87
5.3.3 Pengkaji Masa Hadapan	88
5.4 Implikasi kajian	
5.4.1 Masyarakat	89
5.4.2 Bidang Kesusasteraan	89
5.5 Kesimpulan	90

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Menurut Za'ba, pantun merupakan cara rangkapan yang tertua dan asalnya kepunyaan masyarakat Melayu. Pantun terdiri daripada empat baris serangkap, empat perkataan dalam sebaris, mempunyai rima a,b,a,b. Setiap rangkap pantun mengandungi rangkap pembayang dan rangkap maksud. Kehalusan budi dan kebijaksanaan minda Melayu terpancar dalam pantun yang merupakan salah satu puisi Melayu klasik sejak turun-temurun. Orang tua-tua Melayu dahulu mengatakan, rendang kayu kerana daunnya, terpancang Melayu kerana pantunnya. Ungkapan ini telah mencerminkan betapa besarnya peranan pantun dalam kehidupan orang Melayu. Pantun merupakan satu bentuk sastera rakyat yang digunakan secara meluas dalam masyarakat Melayu tanpa mengira tujuannya antaranya untuk membicarakan tentang tatasusila, masyarakat, perkahwinan, adat resam, kasih sayang dan sebagainya. Bentuk pemikiran pantun yang menyampaikan mesej tertentu di samping memaparkan unsur keindahan bahasa yang begitu berkait rapat dengan cara kewujudan masyarakat Melayu tradisional. Pantun juga

sesuai dengan jiwa Melayu kerana ia memperlihatkan keperibadian orang Melayu terutamanya dengan seni dan budaya. Masyarakat Melayu telah pandai berpantun dan berbalas pantun sesama sendiri sebelum wujudnya bentuk surat-menyurat.

Menurut Tenas Effendy dalam bukunya *Khazanah Pantun Melayu Riau* menyatakan pemakaian pantun tidak dibatasi selagi isinya sesuai dengan tujuannya. Bagi orang Melayu, mengarifi kandungan pantun bukan dilakukan secara perkataan demi perkataan, malahan melalui pemahaman, kerana di dalamnya terkandung simbol-simbol atau ungapan-ungkapan tertentu yang mengandungi pengertian yang luas. Selain itu, bagi memahami kandungan isi pantun, seseorang itu perlu mempunyai pengetahuan tentang kebudayaan masyarakat Melayu terutama bahasa dan lambang-lambangnyanya. Pada umumnya, bagi orang Melayu, pantun sudah menjadi darah daging kerana mereka bukan sahaja bijak mengkaji makna yang terkandung dalam pantun, tetapi mereka juga dapat menghasilkan pantun, bahkan banyak yang pandai berpantun.

Masyarakat Melayu dahulu sudah pasti mahir berpantun, paling tidak pantun-pantun biasa seperti pantun kasih sayang, pantun nasihat dan sebagainya. Pantun pada zaman dahulu amat berperanan untuk melamar jodoh yang dikehendaki kerana dalam upacara tertentu, ada peluang bagi si teruna untuk berbalas pantun dengan si dara. Peluang ini biasanya berakhir dengan ikatan pertunangan dan perkahwinan. Peluang berpantun yang banyak telah menarik masyarakat Melayu dahulu mempersiapkan dirinya untuk dapat berpantun, baik menghasilkan pantun sendiri mahupun menghafal pantun-pantun yang sudah ada. Menurut orang tua dahulu, semakin tua umurnya, semakin tinggi statusnya, apatah sebagai pemangku dan pemuka adat. Sebagai pemangku atau pemuka adat, seseorang harus menguasai pantun adat.

Tambahan pula, para remaja diajar untuk berpantun, agar tidak menjadi bahan gurauan atau mengetawakan dalam pergaulan terutama dalam kesempatan untuk berbalas pantun dalam kalangan mereka. Orang tua-tua dahulu menjelaskan bahawa dahulu setiap orang Melayu yang meningkat remaja, akan dibiasakan mengikuti pelbagai kegiatan pantun antaranya memantunkannya. Dalam setiap kesempatan, mereka mendapat peluang untuk menjual beli pantun sehingga kreativitinya dapat berkembang, dan keberaniannya untuk tampil di hadapan.

Menurut Ani Awang (2008), pantun telah wujud sejak ratusan tahun yang lalu dan telah berkembang di seluruh dunia, terutamanya di Nusantara. Pantun telah menjadi salah satu lambang artistik masyarakat Nusantara yang menjadi salah satu lambang kebijaksanaan untuk berfikir. Di Nusantara, pantun diwujudkan dalam 39 dialek Melayu dan 25 bukan dialek. Pantun juga telah berkembang di negara-negara seperti Vietnam, Afrika Selatan, selatan Burma dan sebagainya. Pantun di Malaysia dan Indonesia telah ditulis sekitar empat abad yang lalu dan dikatakan berusia lebih tua seperti yang ditulis dalam Hikayat Raja-Raja Pasai dan Sejarah Melayu. Tidak ketinggalan juga keunikan pantun kerana kesemua karya terdapat keunikan masing-masing dan ianya menjadi salah satu sebab pantun telah berkembang luas. Oleh sebab luas dan bervariasi isi pantun yang menyebar di merata negara, pantun mendapat kedudukan penting dalam kehidupan orang Melayu.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), interaksi bermaksud tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain ataupun tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Interaksi manusia dibahagikan kepada beberapa antaranya interaksi sosial, interaksi dengan alam, dan interaksi dengan lingkungan hidupnya. Di bawah takrifan ini, interaksi manusia

dengan alam berlaku apabila seseorang berada dalam ruang fizikal yang sama dengan alam atau secara langsung merasakan rangsangan daripada alam sendiri.

Manusia merupakan salah satu individu yang bergantung kepada alam. Tanpa munculnya alam, manusia tidak akan hidup dan berkembang sehingga kini. Bermula dari tempat tinggal, sumber makanan serta teknologi bergantung pada alam sehingga kini. Interaksi langsung antara manusia dan alam adalah sangat penting dalam pelbagai cara, dengan perhatian yang semakin meningkat terutamanya pada kesannya terhadap kesihatan dan kesejahteraan manusia, terhadap sikap dan tingkah laku manusia serta terhadap faedah dan bahaya kepada hidupan liar. Interaksi manusia dengan alam amatlah penting supaya alam akan terpelihara dan tidak tercemar dari segala aktiviti. Kajian ini akan diperincikan kepada interaksi masyarakat dengan alam.

Menurut Mana Sikana (2007), menyatakan dalam bukunya Teori Sastera Kontemporari bahawa perkataan ekologi sebenarnya berasal daripada perkataan Greek yang membawa maksud hubungan organisme dengan tempat tinggalnya. Konsep ekologi ini merupakan konsep mesra alam. Golongan manusia yang mengambil berat dan mencintai serta mempertahankan kebersihan alam dikenali segai ekologis. Ekologis mempercayai bahawa merosakkan alam dianggap sebagai satu kejahatan kerana ia menjejaskan haiwan, tumbuh-tumbuhan dan juga manusia.

Pengkaji telah mengaplikasikan teori ekologi dalam kajian ini. Teori ekologi ini telah diperkenalkan oleh Urie Brofenbrenner pada tahun 1979. Teori perkembangan ekologikal ini adalah teori yang menekankan pengaruh persekitaran ke atas perkembangan individu. Teori ekologi merangkumi lima sistem persekitaran yang mana seseorang individu

berinteraksi iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem, dan kronosistem. Pengkaji telah menggunakan ekosistem bagi keseluruhan kajian ini bagi menghubungkan interaksi manusia dengan alam secara terperinci. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ekosistem bermaksud sistem yang melibatkan interaksi antara suatu komuniti seperti haiwan dan tumbuhan dengan alam persekitarannya yang tidak bernyawa.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian penyelidikan ini difokuskan kepada rangkap-rangkap pantun dari buku *Ghairah Dunia Empat Baris*. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menyelidik interaksi unsur alam yang dapat dikaitkan dengan masyarakat Melayu dahulu. Seperti yang kita sedia maklum, pantun merupakan sebuah warisan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu sehingga kini. Pembentukan pantun dan kemunculannya telah menunjukkan kebijaksanaan masyarakat Melayu secara langsung dan tidak langsung. Perkembangan pantun telah berlaku apabila masyarakat Melayu telah melontarkan ideannya berdasarkan pandangan hidup mereka. Perkembangan pantun juga berlaku apabila masyarakat Melayu menggunakan perkataan yang sopan, indah serta menarik. Bahasa telah memainkan peranan yang sangat penting dalam penciptaan pantun dimana masyarakat Melayu bijak dalam mengaplikasikan perkataan yang cukup indah.

Seterusnya bagi mencapai objektif yang pertama dimana pengkaji akan mengenalpasti unsur-unsur alam yang terdapat dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*. Dalam konteks ini, alam dibahagikan kepada lima iaitu flora, fauna, fizikal atau inderawi, ciptaan atau buatan manusia dan cakerawala. Dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* dapat dikumpulkan kesemua unsur alam tersebut. Rentetan itu, bagi menjawab objektif kedua, pengkaji akan mengkaji interaksi alam dengan masyarakat Melayu menggunakan teori ekologi dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*. Jika dilihat dengan teliti, masyarakat Melayu dahulu sangat erat dengan alam sehingga interaksi bersama alam dapat dilihat dalam kehidupan seharian. Seterusnya, objektif ketiga yang dikaji adalah kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat

Melayu. Pantun secara umumnya memiliki kepentingannya yang dapat dilihat sehingga kini. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih teliti tentang kepentingannya.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

### 1.3 Penyataan Masalah

Menurut Johari Bin Yahya (2015) dalam kajiannya bertajuk *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* menyatakan bahawa keindahan pantun dapat dilihat melalui bahasa, maksud pantun, serta struktur pantun. Keaslian pantun yang sarat dengan bahasanya yang sopan dan santun, sudah tentu menyentuh hati pembaca. Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu boleh dilihat melalui pantun apabila mereka menggunakan simbol alam dalam pembayang pantun. Namun, generasi kini kurang mengambil peduli dalam menghasilkan pantun serta tidak menghargai kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu. Keindahan serangkap pantun boleh dirasai jika mereka membaca dan mengamatinya.

Menurut Prof. Madya Dr.Lim Swee Tin (2014) dalam akhbar *Berita Harian* online menjelaskan bahawa generasi muda tidak mengambil peduli dalam menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik kecuali di era persekolahan. Selain itu, mereka juga tidak mempunyai minat untuk mendalami karya-karya sastera seperti pantun, gurindam, sajak, seloka dan sebagainya serta hampir melupakannya. Perkara ini membimbangkan kerana bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda masyarakat Melayu dan merupakan bahasa rasmi yang perlu dipelajari oleh semua kaum.

Selain itu, menurut Siti Hajar Che Man (2013), dalam kajiannya menyatakan bahawa kemunculan dan perkembangan teknologi dan media massa seperti facebook, instagram, serta twitter pada masa kini telah menyebabkan keindahan pantun terancam kerana kehadiran bahasa yang tidak indah dan santun. Keaslian pantun hilang apabila

penggunaan bahasa di media massa dibawa dalam penciptaan pantun oleh generasi muda. Hal ini menyebabkan keindahan pantun yang menggunakan bahasa dan kreativiti masyarakat Melayu hilang dan menyebabkan tiada keunikan pantun.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan tentang interaksi masyarakat Melayu dengan alam adalah berdasarkan beberapa persoalan;

- i. Berapakah unsur-unsur alam yang terdapat dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*?
- ii. Sejauh manakah interaksi alam dengan masyarakat Melayu dahulu daripada perspektif teori ekologi?
- iii. Apakah kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu?

## 1.5 Objektif Kajian

Antara objektif bagi kajian ini adalah :

- i. mengenalpasti unsur-unsur alam yang terdapat dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*
- ii. mengkaji interaksi alam dengan masyarakat Melayu dahulu menggunakan teori ekologi dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*
- iii. menganalisis kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji amat penting kepada khalayak untuk mengemukakan pendapat yang diperoleh. Pengkaji telah memecahkan kepentingan kajian kepada tiga iaitu individu, masyarakat dan negara.

### **1.6.1 Kepentingan kepada individu**

Kepentingan kajian ini kepada seseorang individu ialah dapat mencipta daya pemikiran kreatif berdasarkan pantun. Generasi muda boleh lebih mendalami dan meningkatkan keupayaan dalam mencipta dan memperkembangkan pantun. Penciptaan pantun tersebut juga dapat dilakukan dengan menggunakan bahasa yang indah dan santun supaya keaslian pantun boleh dijaga. Selain itu, kajian ini juga dapat menunjukkan kebijaksanaan seseorang individu menerusi pantun dan yang disanjung tinggi.

### **1.6.2 Kepentingan kepada masyarakat**

Kajian ini juga mempunyai kepentingan kepada masyarakat Melayu terutamanya iaitu dapat menyedarkan tentang kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu yang telah mencipta pantun yang telah berkembang sehingga ke luar negara. Generasi muda akan lebih berpengetahuan dan mengenali bidang kesusasteraan. Masyarakat Melayu juga akan lebih memahami maksud yang ingin disampaikan dalam pantun. Kajian ini akan menunjukkan betapa bijaknya dalam memberi nasihat yang disampaikan menerusi pantun dengan menggunakan bahasa yang santun.

### 1.6.3 Kepentingan kepada Negara

Kepentingan kepada negara pula kerana pihak kerajaan dapat mengubah tanggapan masyarakat Melayu bahawa bidang sastera terutamanya karya pantun bukan sahaja membawa perkembangan ke luar negara namun dapat memberikan pendidikan dan membentuk masyarakat ke arah kecemerlangan dari segi pemikiran yang bijak.





## 1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian ini menggunakan pantun bagi merungkai interaksi masyarakat Melayu dengan alam melalui teks pantun yang terdapat dalam buku Ghairah Dunia karya Muhammad Haji Salleh. Kajian ini menjadikan teks pantun Ghairah Dunia sebagai bahan rujukan dalam menghuraikan interaksi masyarakat Melayu dengan alam. Oleh itu, pengkaji ingin menfokuskan kepada pantun-pantun yang terpilih bagi penyempurnaan kepada kajian yang dijalankan. Pengkaji telah memilih beberapa tajuk dari karya tersebut antaranya Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia, Pantun Minangkabau Pada Akhir Abad ke-19 (Kumpulan Ophuijsen), Bila Terkenang Zaman Dahulu: Pantun Pulau Pinang, Estetika Pantun Melayu, Perayaan Metafora, dan Mengutip Alam di Sumatera. Kesemua tajuk pantun ini bertemakan pelbagai tema yang terdiri daripada tema percintaan, peperangan, nasihat dan sebagainya. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur-unsur alam yang terdapat dalam teks pantun. Seterusnya kajian ini juga menggunakan teori ekologi bagi mengkaji interaksi alam dengan masyarakat Melayu. Bukan itu sahaja, melalui teks kajian ini pengkaji menganalisis kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu.

MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 Definisi Operasional

### 1.8.1 Interaksi

Interaksi bermaksud tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, ataupun tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Interaksi bukan sahaja berlaku diantara haiwan atau tumbuhan tetapi juga berlaku antara manusia juga. Interaksi manusia dibahagikan kepada beberapa antaranya interaksi sosial, interaksi dengan alam, dan interaksi dengan lingkungan hidupnya. Interaksi sosial ialah hubungan berupa timbal balik yang dilakukan antara seorang individu mahupun berkelompok. Interaksi alam pula bermaksud suatu tindakan yang dilakukan ke atas alam.

### 1.8.2 Alam

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), alam bermaksud segala yang ada di langit dan di bumi seperti bintang, tenaga-tenaga yang ada dan sebagainya. Manakala menurut Ensiklopedia Sains, menyatakan alam atau sarwajagat ialah alam jumatara termasuk bintang-bintang dalam bima sakti, badan-badan yang ada dalam sistem suria, bintang-bintang lain dan galaksi-galaksi di jumatara serta angkasa di antaranya. Menurut agama Islam pula, alam terbahagi kepada dua iaitu alam nyata dan alam ghaib. Alam nyata ialah alam yang dapat dilihat dengan pancaindera seperti benda hidup, benda cair, benda padat dan lain-lain. Alam ghaib pula ialah alam yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera, iaitu alam jin, alam iblis, alam akhirat dan sebagainya.

### 1.8.3 Pantun

Pantun didefinisikan sebagai suatu puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam setiap rangkap yang mana dua baris pertama merupakan pembayang dan dua baris yang seterusnya ialah maksud. Pantun merupakan satu bentuk sastera rakyat yang digunakan secara meluas dalam masyarakat Melayu tanpa mengira tujuannya antaranya untuk membicarakan tentang tatasusila, masyarakat, perkahwinan, adat resam, kasih sayang dan sebagainya. Pantun juga sesuai dengan jiwa Melayu kerana ia memperlihatkan keperibadian orang Melayu terutamanya dengan seni dan budaya.

### 1.8.4 Teori Ekologi

Teori ekologi ialah teori yang digunakan untuk mengaitkan alam atau interaksi sesama pihak. Teori ini diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner pada tahun 1979. Manusia dijadikan sebagai model ekologi yang mempunyai ciri tertentu dan menghuraikan konsep asas pendekatan ekologikal iaitu organisma dan saling bertindak antara keduanya. Konsep ekologi ini pula telah diberi definisi oleh William Howarth (1996) di mana ekologi adalah saling hubung kait antara semula jadi dan budaya.

## 1.9 Organisasi Kajian

Kajian ini dipecahkan kepada lima (5) bab yang terdiri daripada pendahuluan, tinjauan literatur, metodologi kajian, dapatan kajian dan perbincangan dan kesimpulan. Dalam bab satu (1) kajian ini meliputi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasional, organisasi kajian dan kesimpulan. Seterusnya dalam bab dua (2), kajian ini merangkumi tinjauan kajian lepas iaitu kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas tentang kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Dalam bab tiga (3) ialah metodologi kajian yang mengandungi kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji sepanjang melaksanakan kajian ini. Seterusnya, dalam bab empat (4) adalah analisis kajian berdasarkan kepada hasil kajian dan pembacaan teks oleh pengkaji. Akhir sekali, dalam bab lima (5) yang mengandungi kesimpulan keseluruhan kajian iaitu cadangan dan implikasi kajian.

Dalam bab satu (1), kajian ini dimulakan dengan menerangkan tentang sejarah pantun, sedikit definisi interaksi serta sedikit pengenalan teori ekologi. Selepas pengenalan, kajian ini diteruskan dengan latar belakang kajian iaitu penerangan keseluruhan kajian yang dilaksanakan. Seterusnya ialah persoalan kajian dan objektif kajian iaitu fokus utama pengkaji yang hendak diperolehi ketika menjalankan kajian ini. Terdapat beberapa kepentingan kajian yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji dibincangkan dalam bab ini. Pengkaji juga telah menyatakan skop dan batasan kajian yang mengkaji unsur alam dalam pantun di dalam bab ini.

Selain itu, dalam bab dua (2), pengkaji akan membincangkan tentang tinjauan kajian lepas iaitu kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji barat dan tempatan yang berkaitrapat dengan kajian yang dikaji. Pengkaji telah memulakan kajian dalam bab ini dengan pengenalan tentang kajian-kajian lepas. Seterusnya, pengkaji telah membincangkan tentang kajian lepas yang berkaitan dengan pantun Melayu dan disambung dengan kajian lepas hubungan alam dalam pantun Melayu, kajian lepas yang berkaitan dengan teori ekologi serta kajian kepentingan pantun Melayu. Di akhir kajian bab ini, pengkaji telah membuat kesimpulan kepada kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan.

Seterusnya, dalam bab tiga (3) iaitu metodologi kajian yang membincangkan kaedah-kaedah kajian yang digunakan sepanjang kajian ini dihasilkan. Kedah kualitatif digunakan dalam kajian ini bagi mencapai matlamat pengkaji dalam menghasilkan kajian ini. Kaedah kualitatif dipilih adalah berdasarkan kesesuaian kajian yang dihasilkan yang merangkumi kaedah rujukan teks, kaedah sumber internet dan kaedah kepustakaan yang digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang kajian ini. Pengkaji juga mengaplikasikan Teori Ekologi untuk mengkaji interaksi alam dengan masyarakat Melayu.

Tambahan pula, dalam bab empat (4), telah dibincangkan mengenai analisis kajian atau analisis teks. Pengkaji akan membincangkan dengan lebih terperinci mengenai objektif kajian yang ditetapkan dengan mengaplikasikan teori ekologi. Kajian ini dilaksanakan dengan berfokuskan kepada tiga objektif iaitu bermula dengan mengenalpasti unsur-unsur alam yang terdapat dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*. Kajian ini diteruskan dengan mengkaji interaksi alam dengan masyarakat Melayu

yang menggunakan teori ekologi dan diakhiri dengan menganalisis kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu.

Di samping itu, dalam bab lima (5) iaitu bab terakhir iaitu bab kesimpulan yang merangkumi kesimpulan secara keseluruhan kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji telah memberi beberapa cadangan atau penambahbaikan secara langsung dan tidak langsung kepada pihak-pihak tertentu dalam perkembangan tajuk kajian ini yang berkaitan interaksi masyarakat Melayu dengan alam dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*.

Secara kesimpulannya, setiap bab dalam kajian ini merangkumi matlamat atau objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji juga telah mengaplikasikan teori yang sesuai iaitu teori ekologi yang dapat dikaitkan dengan tajuk kajian ini serta menyatakan pernyataan masalah bagi memberi kesedaran kepada pengkaji yang akan datang.

### 1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini menjelaskan bahawa pantun adalah merupakan satu khazanah sastera yang diwarisi secara turun temurun. Pantun dan alam diibaratkan sebagai sahabat yang akrab yang saling memerlukan antara satu sama lain. Pantun mengandungi keindahannya yang tersendiri dari maknanya mahupun unsur alam. Hal ini kerana, pantun memainkan peranan penting kerana terdapat unsur nasihat, pengajaran dan pendidikan yang dimasukkan dalam teks pantun bagi membentuk masyarakat yang berakhlak. Oleh itu, jelaslah bahawa pantun menunjukkan keindahan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu. Kajian ini bersifat umum dan menyeluruh untuk dijadikan rujukan pada masa akan datang.

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian atau kajian literatur menyokong objektif sesebuah kajian yang membuktikan teori yang digunakan. Sorotan kajian ialah kajian-kajian lepas yang pernah dihasilkan oleh pengkaji pengkaji lain. Tinjauan ini dikumpulkan berdasarkan kepada bahan-bahan seperti buku, jurnal, dan tesis . Selain itu, tinjauan juga boleh diadapati melalui internet dalam laman laman web. Kajian lepas mengenai unsur alam dalam teks dan kajian lepas mengenai teori ekologi yang dikaji oleh pengkaji lepas dimasukkan dalam bahagian kajian lepas ini.

#### 2.2 Tinjauan Literatur Pantun Melayu

Menurut kajian lepas yang dilakukan oleh Siti Hajar Che Man (2013) yang bertajuk *Kelestarian pantun : Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya* menyatakan bahawa pantun merupakan khazanah silam yang bernilai tinggi yang diwarisi oleh masyarakat Melayu sehingga kini. Pantun merupakan salah satu karya sastera yang



mementingkan kesopanan dan budi bahasa. Selain itu, idea-idea yang digunakan dalam penciptaan pantun bersifat berat namun disampaikan dalam bentuk yang mudah dan pesanan yang disampaikan amat mendalam dan bermakna. Pengkaji juga menyatakan bahawa pesanan dan teguran yang disampaikan menerusi pantun akan menggunakan unsur-unsur seperti flora dan fauna supaya ia disampaikan dalam cara yang lembut dan tidak menyinggung perasaan. Artikel ini lebih memfokuskan kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu menerusi pantun.

Seterusnya, buku yang dihasilkan oleh Harun Mat Piah yang bertajuk *Pantun Melayu : Bingkisan Permata* menyampaikan bahawa pantun merupakan satu yang terkenal oleh masyarakat Nusantara. Menurut Harun Mat Piah (1986) menyatakan bahawa walaupun pantun di Sri Lanka mempunyai campuran bahasa namun pantun mengekalkan identitinya yang unik dari segi bahasa dan strukturmya. Selain itu, pantun juga membuktikan pemikiran masyarakat Melayu yang menunjukkan interaksi mereka dengan alam. Ciri-ciri yang tepat seperti pengertian dan pemikiran yang terdapat dalam setiap rangkap sesebuah pantun merupakan perkara yang penting. Artikel ini mengkaji kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam mencipta pantun dan mengekalkan keunikannya sehingga kini.

Selain itu, dalam kajian yang bertajuk *Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perunggu Minda Melayu* yang dikaji oleh Nirwana Sudirman Dan Zulkifley Hamid (2016) menekankan bahawa pemikiran masyarakat Melayu terpengaruh dengan persekitaran alam iaitu alam flora dan fauna yang melatari kehidupan orang Melayu. Kajian ini juga mengandungi pelbagai metafora yang jelas menggambarkan minda orang Melayu tentang adat, kiasan, kasih sayang, nasihat, perantauan, jenaka, peribahasa, budi, agama, dan juga

perekonomian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori semantik kognitif sebagai landasan kajian.

Menurut Hj.Mohd Rashid Hj Md Idris dalam kajiannya bertajuk *Nilai Kebijaksanaan Melayu Dalam Pantun* menyatakan bahawa kajian ini akan membuktikan kehadiran nilai kebijaksanaan Melayu dalam semua kegiatan yang dilakukan. Persoalan tentang kebijaksanaan dan kepandaian masyarakat Melayu tergantung kepada kemampuan dan kebolehan seseorang individu menggunakan akal dan fikiran yang dianugerahkan oleh Allah. Kajian ini juga berkait rapat dengan Teori Falsafah Bahasa yang memperlihatkan hubungan erat antara bahasa dengan pemikiran penuturnya. Secara keseluruhan, individu yang memiliki tingkat kebijaksanaan yang lebih tinggi dianggap mempunyai kelebihan iaitu disanjung tinggi dan mendapat kedudukan lebih tinggi dalam kalangan masyarakat.

Tambahan lagi, kajian lepas yang bertajuk *Nilai Pendidikan dan Kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam Pantun dan Peribahasa Melayu* yang dikaji oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2017. Menerusi kajian itu, beliau menjelaskan bahawa pantun Melayu mengungkapkan nilai- nilai seperti nilai ilmu keagamaan, nilai kemasyarakatan, nilai pendidikan dan nilai ekonomi. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji elemen yang menunjukkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu yang terdapat dalam pantun Melayu dan membincangkan sejauh mana elemen yang terdapat dalam pantun Melayu dapat menyingkap nilai falsafah bangsa Melayu. Secara keseluruhan hasil kajian mendapati beberapa aspek yang digunakan dalam pantun ini jelas mencerminkan aspek, pemikiran, falsafah bangsa Melayu dan pengetahuan mereka.

Kajian lepas yang seterusnya pula bertajuk *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* yang dikaji oleh Johari bin Yahaya

(2015). Kajian ini dilakukan terhadap pantun Melayu iaitu menjadi keistimewaan masyarakat Melayu. Menurutnya, dalam pantun peribahasa Melayu, pelbagai aspek berkaitan dengan nilai dan norma hidup disampaikan sebagai medan dalam bentuk nasihat, sindiran serta gurauan. Pantun peribahasa Melayu juga menunjukkan ketajaman pemikiran orang Melayu dahulu yang dapat mentafsir serta merentasi zaman atau masa. Kajian ini telah dilakukan dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang bagi memenuhi matlamat kajian ini. Kajian ini juga dapat memastikan kegemilangan tradisi Melayu itu kekal lama.

Menurut Tengku Intan Marlina Tengku Mohd.Ali dalam kajiannya yang bertajuk *Ikon dan Simbol Agama dalam Pantun Melayu* memperlihatkan bagaimana unsur agama yang merupakan unsur yang sesuai untuk digunakan dalam pantun untuk mengajak pembaca kearah kebaikan. Kajian ini dihasilkan dengan mengumpulkan beberapa pantun-pantun tradisional daripada *Dewan Bahasa*, buku *Pantun Melayu*, *Pantun Serbaneka* dan sebagainya. Teori Pierce yang merangkumi tiga tanda utama iaitu ikon, indeks, dan simbol telah digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis unsur agama yang terdapat dalam pantun-pantun. Dapatan kajian telah memperlihatkan bahawa penutur pantun banyak menggunakan ikon dan simbol agama dalam menyampaikan pantun.

Kajian lepas yang seterusnya pula ialah bertajuk *Pantun dalam Nyanyian Lagu Melayu Asli* yang dikaji oleh Shafa'atussara Silahudin. Menurutnya, mengkaji lagu-lagu Melayu asli dalam kesenian Melayu telah menjadi sebahagian daripada kepelbagaian bentuk manifestasi jiwa Melayu yang sarat dengan nilai dan pengajaran. Selain itu, kajian ini dilakukan kerana lagu-lagu Melayu asli dilihat sebagai medium kepada nyanyian pantun-pantun Melayu lama yang amat disenangi oleh masyarakat Melayu. Nyanyian Melayu asli

kini telah menjadi suatu identiti masyarakat Melayu yang memiliki peranan serta menggambarkan tingkat peradaban masyarakat Melayu sejagat. Akhirnya, ciri-ciri nyanyian yang melankolik dan mendayu-dayu secara tidak langsung melambangkan karakter Melayu menerusi gubahan seni kata pantun nyanyian.

Artikel yang dihasilkan oleh Salinah Ja'afar dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali yang bertajuk *Pemikiran, Diksi, dan Bentuk Jenaka dalam Pantun Melayu* membincangkan pantun jenaka dengan melihat aspek pemilihan kata atau diksi. Artikel ini juga memperlihatkan bagaimana pantun-pantun Melayu memiliki unsur-unsur jenaka yang digubah dengan jelas sebagai hiburan dan sindiran. Menurut pengkaji, unsur-unsur jenaka secara tidak langsung dapat membayangkan corak pemikiran masyarakat Melayu yang kreatif dan unik. Pemilihan perkataan atau diksi yang digunakan jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dahulu bijak dalam memilih kata-kata yang indah. Aspek jenaka yang dimuatkan dalam pantun disusun dengan teliti dan bersesuaian dengan rima dan irama pantun. Melalui kajian ini, unsur-unsur jenaka dalam pantun yang memperlihatkan pemikiran, diksi dan bentuk yang amat menarik untuk dibincangkan.

Kajian lepas yang seterusnya ialah kajian yang merupakan kerjasama antara pengkaji Zurinah Hassan, Salinah Ja'afar dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali yang bertajuk *Kritik Sosial dalam Pantun Melayu: Lambang Ketekalan Minda*. Kajian ini dihasilkan dengan menganalisis aspek kritik sosial dalam pantun Melayu. Aspek kritik sosial yang dikaji memperlihatkan bagaimana ketekalan minda masyarakat Melayu menyampaikan pesanan dan nasihat. Setiap lagu dan ungkapan yang digunakan bukan sahaja memperlihatkan irama yang indah, tetapi disusun dengan teliti agar pemilihan kata yang digunakan dapat membayangkan corak pemikiran yang kritis. Secara kesimpulan

dalam kajian ini menyatakan bahawa penggunaan pantun sebagai satu alat kritik sosial yang mencerminkan satu bentuk ketekalan minda yang dimiliki oleh masyarakat Melayu.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 2.3 Tinjauan Literatur Hubungan Alam Dalam Pantun Melayu

Menurut Zurinah Hassan dalam tajuk kajiannya *Unsur Alam Sebagai Kias Ibarat Dalam Pantun Nasihat* mengatakan hasil sastera Melayu sebenarnya melihatkan pengaruh dari alam. Pengkaji juga mengatakan pantun merupakan puisi yang paling rapat dengan alam. Menurutny alam yang dimaksudkan ialah alam fizikal yang dapat dilihat dengan mata,dirasai serta boleh didengari. Sebagai contoh, bulan, bintang, gunung, matahari, sungai, tumbuh-tumbuhan, pelbagai jenis haiwan dan sebagainya. Penggunaan unsur alam sebagai perlambangan yang sesuai dengan makna yang disampaikan akan menambah nilai estetika sesebuah pantun.

Artikel *Penggunaan Pembayang Unsur Alam Dalam Pantun Siber: Analisis Kelogikan* yang dikaji oleh Nor Adlyizan Bin Theis, Aqilah Aqbal Omar, Nurul Atiqah Insyirah Bt Samin, Adriana Nazrul Hisham pada 2020 telah menyampaikan bahawa kajian yang dilakukan telah melihat kepada kelogikan penggunaan unsur alam dalam pantun siber. Hal ini demikian kerana pantun seni tradisi masyarakat Melayu yang sangat popular dan terkenal sebagai satu tradisi lisan yang digunakan untuk berkomunikasi antara masyarakat Melayu. Menurut pengkaji-pengkaji menyatakan bahawa pembayang dalam pantun biasanya menggunakan unsur alam yang dianalisis melalui pemerhatian penutur pantun. Sebagai contoh, jika berada di tepi pantai, penggunaan ombak, burung, pasir dan sebagainya akan menjadi pembayang kepada pantun tersebut. Justeru, kajian ini menjelaskan sama ada masyarakat Melayu sendiri masih mengekalkan keindahan unsur alam ataupun adakah unsur alam itu digunakan secara logik dalam pantun siber.

Menurut kajian lepas yang bertajuk *Unsur Alam dalam Pantun Analisis Semantik Inkuisitif* yang dikaji oleh Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) menyatakan kualiti intrinsik tepat puisi, yang menggabungkan kecerdasan, pemikiran, dan falsafah ke dalam satu artikulasi, mendedahkan keindahannya. Ungkapan pantun, yang terdiri daripada baris pembayang dan baris makna, menggabungkan aspek alam semula jadi, seperti flora dan fauna. Dengan menumpukan pada unsur-unsur burung, penyelidikan ini bertujuan untuk menyiasat komponen flora serta kaitannya dengan manusia. Pengkaji menggunakan kedua-dua bukti saintifik dan teknik semantik ad hoc dan penerokaan dalam penyiasatan ini. Kesimpulannya, kajian secara tidak langsung dapat mencungkil ketajaman dan kebijaksanaan masyarakat Melayu.

Seterusnya, menurut jurnal yang dikaji oleh Nordiana Ab Jabar yang bertajuk *Tumbuh-Tumbuhan Sebagai Sumber Perubatan Tradisional Dalam Pantun Melayu (2020)* menyampaikan bahawa kajiannya berusaha untuk mentakrifkan peranan tumbuhan dalam kandungan pantun tradisional masyarakat Melayu. Pantun mengenai pelbagai subjek disertakan dalam ini. Unsur leksikal yang digunakan dalam penciptaan pantun membolehkan kita menilai fungsi tumbuh-tumbuhan seperti yang digambarkan dalam puisi masyarakat Melayu.

Kajian lepas yang dikaji oleh Fathin Izzati binti Abd Hamid yang bertajuk *Interpretasi Padi Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Melalui Teks Pantun Pak Nazel 101* Perkara menyampaikan bahawa kajiannya memandang padi sebagai unsur semula jadi kerana ia merupakan salah satu daripada banyak simbol yang sering digunakan dalam pantun. Pemilihan padi dibuat kerana ia merupakan sumber makanan utama orang Melayu serta sumber ekonomi yang berharga. Penilaian dan tafsiran dibuat untuk menjelaskan

komponen tersirat yang mendasari tanda di dinding dan menjadikannya lebih mudah difahami. Sarjana tempatan melakukan penyelidikan yang kurang berkesan tentang beras. Dua matlamat utama kajian ini adalah untuk mentakrifkan idea penggunaan padi dalam puisi dan menghubungkan makna padi dengan budaya dan sejarah masyarakat Melayu. Melalui kedua-dua matlamat ini, dapat disimpulkan bahawa padi dan kehidupan Melayu adalah berkait rapat dan ia amat penting kepada masyarakat Melayu. Di samping itu, puisi itu, yang merupakan sebahagian daripada kesusasteraan lisan tamadun purba dan masih penting sekarang, boleh diibaratkan seperti nasi, yang merupakan ruji utama yang dimakan oleh budaya purba dan berterusan sehingga hari ini.

Tambahan lagi, kajian lepas yang dikaji oleh Kartini Abd Wahab yang bertajuk *Profil tumbuh tumbuhan dalam pantun Melayu* berhasrat untuk meneroka klasifikasi leksikon tumbuhan dan huraian profil yang terdapat dalam puisi Melayu. Penyelidikan juga bertujuan untuk menentukan tahap kebiasaan leksikal masyarakat terhadap leksikon tumbuhan yang digunakan dalam puisi Melayu. Atas sebab itu, 50 data pantun daripada kesusasteraan Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu yang mengandungi ramuan tumbuhan telah dianalisis. Dapatan kajian mendedahkan bahawa puisi Melayu memberikan penerangan terperinci tentang habitat tumbuhan, sifat botani, sifat fizikal, dan penggunaan sebagai sumber makanan, perubatan, dan sokongan ekonomi kepada masyarakat.

Kajian lepas yang seterusnya ialah bertajuk *Metafora Bunga Kiambang dalam Pantun Melayu Berdasarkan Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang* yang dikaji oleh Zarina Tajuddin dan Anida Saruddin. Kajian ini telah membincangkan metafora bunga kiambang yang menjadi kata-kata dalam baris pembayang ataupun baris maksud dalam



suatu rangkap pantun. Kajian ini telah menggunakan teks dari *Karya Agung pantun Melayu* yang berjudul *Bingkisan Permata* koleksi Harun Mat Piah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini juga menggunakan kajian analisis teks yang mana menganalisis metafora bunga kiambang dari empat subtopik. Kajian ini juga telah membincangkan siratan makna yang lebih mendalam berkaitan interpretasi bunga kiambang dalam Pantun Melayu.

Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Shuib Dan yang bertajuk *Konsep Alam Pantun Melayu: Analisis Intertekstualiti* membincangkan pengaruh al-Quran dalam pantun Melayu. Kajian ini dilaksanakan dengan mengumpul sebanyak seratus lima puluh rangkap pantun Melayu yang bertemakan agama sebagai bahan kajian ini. Menurutnya, pantun berperanan sebagai alat komunikasi masyarakat nusantara dalam pelbagai acara atau kegiatan mereka. Kajian ini juga telah menggunakan teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julie Kristeva bagi memperlihatkan pengaruh al-Quran dalam pantun Melayu. Penjelasan ini akan menunjukkan wujudnya proses-proses transformasi, modifikasi, iaitu antara prinsip-prinsip intertekstualiti yang sesuai digunakan ke atas pantun yang dikaji.

Khairulanwar Abdul Ghani dan Noriah Mohamed telah menghasilkan kajian yang bertajuk *Analisis Sosiosemiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Nasihat* yang mana membincangkan simbol flora yang terdapat dalam pantun kategori nasihat berdasarkan buku Kurik Kundi Merah Saga (KKMS). Dalam kajian ini telah menyatakan bahawa pantun mencetuskan nilai kemasyarakatan, adat dan budaya Melayu serta nilai ilmu keagamaan. Segala yang dilahirkan melalui pantun adalah berupa nasihat dengan pelbagai ragam bahasa. Sebanyak 219 rangkap pantun nasihat telah digunakan dalam kajian ini bagi

mencapai matlamat kajian yang ditetapkan. Kajian ini telah dihasilkan dengan menggunakan teori semiotik yang digagaskan oleh Michael Riffaterre bagi melihat unsur flora yang berfungsi sebagai lambang yang ditandai dalam bahagian pembayang pantun. Menurut kajian ini, dapat disimpulkan bahawa simbol flora bukan sahaja mempunyai pelbagai maksud yang tersendiri, namun mampu memperlihatkan daya kreativiti masyarakat Melayu mengaplikasikan konsep alam flora dengan benda, perkara, perilaku serta peristiwa yang berlaku di persekitaran kehidupan.

## 2.4 Tinjauan Literatur Teori Ekologi

Seterusnya, Sueipto Hariyanto, Bambang Irawan dan Thin Soedorti (2008) melakukan kajian yang bertajuk *Teori dan Praktik Ekologi*. Buku itu diterbitkan bagi memberi lebih pengetahuan kepada mahasiswa dalam bidang ekologi. Buku ini juga telah melakukan penelitian yang terbahagi kepada dua iaitu kuantitatif dan kualitatif. Hasil dapatan daripada buku ini telah mengumpulkan sampel statistik dan sebagainya. Justeru, kajian ini berfokuskan kepada penelitian unsur alam yang terdapat dalam teks Suriati yang menerapkan dengan teori ekologi.

Selain itu, terdapat juga suatu kajian yang didapati bertajuk *Prinsip Asas Ekologi Dalam (Deep Ecology): Suatu Pandangan Perspektif Islam* yang dilakukan oleh Noor Fazreena Rasngat, Kamal Azmi Abd. Rahman dan Mohd Zuhdi Marsuki (2013). Kajian ini telah dilakukan untuk menilai semula kepada lapan prinsip asas ekologi yang dicetuskan oleh Arne Naess melalui perspektif Islam. Pengkaji telah menggunakan kaedah pendekatan prinsip Islam sebagai sumber utama dalam mempraktikkan etika Islam menjadi asas kepada sumber rujukan kajian ini. Dapatan kajian ini telah mengenal pasti bahawa prinsip ekologi dapat memberikan pandangan yang tepat dengan pandangan Islam. Namun, artikel ini mempunyai perbezaan dengan kajian yang dilaksanakan kerana kajian ini lebih menfokuskan kepada kajian suatu pandangan perspektif Islam yang berteraskan kepada lapan prinsip ekologi.

Menurut kajian lepas yang dikaji oleh Nur Azlin Muhammad Hisham yang bertajuk *Penelitian Unsur Alam Dalam Novel Suriati Karya Azizi Hj. Abdullah: Analisis Ekologi* menyatakan bahawa dalam kajian ini, penerapan Teori Ekologi yang diilhamkan oleh

William Howarth pada tahun 1994 dipilih sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian tersebut. Penelitian dan penghuraian terhadap beberapa aspek yang merangkumi prinsip ekologi, prinsip etika, prinsip bahasa, dan prinsip kritikan dilaksanakan sebagai deduksi dalam pendekatan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa dalam Novel Suriati karya Azizi Hj. Abdullah mengandungi unsur unsur alam yang dapat memberikan kefahaman dan penghayatan kepada pembaca tentang unsur unsur alam yang terdapat dalam Novel Suriati, seterusnya menjadi wadah untuk membentuk norma yang baik terhadap khalayaknya.

Dalam kajian yang bertajuk *Penghayatan Alam Dalam Puisi - Puisi Muhammad Haji Salleh: Satu Pendekatan Ekologi* yang dikaji oleh Nur Hazwa Azlin Mohd Nor menyatakan penerapan teori ekologi telah digunakan dalam kajiannya dan hasil daripada penelitian terhadap teks puisi dalam "Jatuh Ke Laut Menjadi Pulau: jilid I Sajak – sajak lengkap Muhammad Haji Salleh" telah mendapati bahawa terdapat kaitan antara penghayatan alam sekitar dan puisi; puisi-puisi itu diselidiki dengan lebih lanjut dengan menggunakan kritikan eko, yang menggunakan idea kritikan yang dicipta oleh William Howarth, iaitu ekologi dan etika. Penyelidikan ini mempunyai tiga matlamat utama, yang pertama menunjukkan bahawa puisi pilihan Muhammad Haji Salleh mencerminkan penghayatan alam dengan mengenal pasti bagaimana puisi tersebut menggunakan atau mewakili alam. Perbincangan tentang penghayatan puisi Muhammad Haji Salleh terhadap alam kerana ia berjaya mewakili kewujudan manusia dalam bahagian dua kaedah kajian menambahkan lagi dapatan tujuan ini. Matlamat ketiga adalah untuk menganalisis secara menyeluruh prinsip moral yang terdapat dalam puisi yang dipilih untuk menentukan sama ada mereka dapat menyampaikan prinsip moral mereka sendiri dengan berkesan kepada ahli

masyarakat atau tidak. Penyelidikan ini menunjukkan kesalinghubungan dan nilai alam dan manusia. Penyelidikan ini diharapkan dapat memajukan bidang analisis sastera dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Menurut kajian lepas yang bertajuk *Kosmologi Flora Dalam Pantun Iban: Satu Kajian Etnobotani Di Sarawak Menggunakan Teori Ekologi* yang dikaji oleh Paing, Mike Tyson menyatakan bahawa pengkaji menyiasat bagaimana ekologi dan etnobotani manusia berinteraksi dalam masyarakat Iban. Dengan menggunakan teori ekologi dalam situasi ini, pengkaji akan menjelaskan kajian budaya masyarakat Iban dan komponen kosmologi flora (prinsip ekologi manusia). Aspek saling kebergantungan, unsur teknologi, dan aspek fungsi adalah tiga bahagian terakhir dalam prinsip. Untuk memantapkan lagi kajian yang telah siap, aplikasi teori ekologi digunakan. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat menunjukkan kepakaran masyarakat Iban dalam mencipta karya sastera khususnya sajak di samping memartabatkan syair Iban dalam kalangan pengkaji dan masyarakat umum.

## 2.5 Tinjauan Literatur Kepentingan Pantun Melayu

Kajian lepas yang bertajuk *Fungsi Pantun Melayu Tradisional Dilihat dari Perspektif Budaya dan Alam Pemikiran Masyarakat Melayu* yang dikaji oleh Cho Min Sung, Mat Zaid bin Hussein membincangkan peranan pantun Melayu Tradisional serta hubungannya dengan akal budi, budaya dan pemikiran masyarakat Melayu serta menjelaskan kepadatan makna serta keberkesanan bahasa pantun sebagai medium komunikasi dalam menyampaikan sesuatu idea. Menurut pengkaji, pantun merupakan karangan berangkap yang mendokong keindahan dan kehalusan yang menyampaikan idea yang bagus. Dalam penciptaan pantun Melayu, segala pengalaman dan pandangan dikemukakan dengan menggunakan latar alam sebagai pembayang atau maksud. Keunikan pantun Melayu dapat dilihat dari penggunaan lambang-lambang tertentu yang dipilih berdasarkan kehidupan masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun* yang dikaji oleh sebuah kumpulan pengkaji yang terdiri daripada Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaludin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. Kajian ini dihasilkan bagi menterjemahkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam penghasilan pantun. Akal budi mencerminkan perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mendokong kebijaksanaan, kehalusan jiwa serta keindahan. Di antara pelbagai kekayaan seni sastra Melayu tradisi ialah pantun dan penggunaannya yang menonjol dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu. Secara kesimpulan dalam kajian ini adalah akal budi Melayu dalam pantun tergambar melalui pemilihan perkataan yang tertentu dan

menggambarkan pemikiran di sebalik keindahannya dan seterusnya menjadi cermin jati diri bangsa Melayu.

## **2.6 Kesimpulan**

Berdasarkan kajian-kajian literatur menunjukkan bahawa pantun banyak dikaji oleh pengkaji pengkaji dan jelas menggambarkan bahawa interaksi masyarakat Melayu dengan alam lebih menyerlah. Hal ini kerana, pengkaji mefokuskan kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu dalam penciptaan pantun yang kreatif dalam menggunakan unsur alam sebagai pembayang. Selain itu, melalui kajian-kajian ini menunjukkan bahawa pantun Melayu diwarisi sehingga kini walaupun terdapat perubahan dari segi kesantunan bahasa. Oleh hal yang demikian, pengkaji berminat dalam melakukan kajian dengan jelas berkaitan interaksi masyarakat Melayu dengan alam : suatu pemahaman teori ekologi.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, metodologi merangkumi pengertian sistem, termasuk kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu aktiviti. Maksud lain metodologi ialah kaedah, jalan, gaya, teknik, cara, dan sistem. Metodologi juga bermaksud pengetahuan tentang kaedah atau disiplin yang digunakan dalam melaksanakan sesuatu kajian untuk mencapai matlamat tertentu. Metodologi penyelidikan juga bermaksud cara yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan mengenal pasti prosedur yang berkesan untuk menjawab soalan kajian.


Metodologi kajian ialah analisis teori dan kaedah sistematik yang digunakan untuk sesuatu pengajian. Ini merupakan satu teknik untuk mengumpul, membentuk serta menganalisis data. Tujuan kaedah ini dilakukan adalah untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat. Metodologi mengandungi kaedah dan cara yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Oleh hal yang demikian, kaedah penyelidikan yang dirancang melibatkan reka bentuk, prosedur pengumpulan data, serta proses penganalisan data.



### 3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian merupakan kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji bagi melaksanakan kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengumpul data yang tepat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Rekabentuk kajian terbahagi kepada dua iaitu kuantitatif dan kualitatif namun kaedah yang dipilih bergantung kepada pengkaji. Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif bagi mendapatkan data yang bersesuaian dengan mengkaji teks.


#### 3.2.1 Kerangka Rekabentuk Kajian



Rajah 1

Rajah 1 di atas menunjukkan kaedah kajian yang digunakan berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini. Objektif kajian yang pertama ialah mengenalpasti unsur-unsur alam yang terdapat dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*. Objektif kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kajian teks. Kajian teks dilaksanakan dengan menggunakan pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*. Kaedah ini telah membantu pengkaji dalam mengenalpasti unsur-unsur alam yang terdapat dalam rangkap pantun tersebut. Seterusnya, objektif kedua ialah mengkaji interaksi alam dengan masyarakat Melayu menggunakan teori ekologi dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*. Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kajian teks dan kaedah kepustakaan dimana pengkaji telah mencari dan mengumpul data berkaitan teori ekologi bagi dikaitkan dengan objektif kajian tersebut. Objektif kajian ketiga iaitu mengkaji kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu telah dilaksanakan pula dengan menggunakan kaedah kepustakaan dengan melayari laman sesawang bagi mendapatkan maklumat yang sahih bagi menyiapkan kajian ini.

### 3.3 Kaedah Kajian



Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan kaedah kajian yang terbahagi kepada dua (2) iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Secara umumnya, kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini. Kaedah kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri dan berbeza dengan kaedah kuantitatif. Kajian kualitatif merupakan kajian yang dicari dengan mementingkan usaha serta memberikan penjelasan dengan teliti berdasarkan pemerhatian yang dilakukan. Terdapat beberapa kaedah kajian kualitatif yang telah dilaksanakan oleh pengkaji sepanjang menghasilkan kajian ini iaitu kajian teks, kepustakaan, kajian internet dan sebagainya. Kaedah-kaedah ini digunakan oleh pengkaji bagi mencapai matlamat kajian yang telah ditetapkan.

### **3.4 Proses Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data yang tepat akan memberikan maklumat yang jelas bagi kajian ini. Menurut Sulaiman Masri (2005) menyatakan bahawa pengumpulan data adalah proses pengumpulan pemboleh ubah, teknik dan pengumpulan data sesuai selaras dengan kajian. Pengkaji telah mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber, termasuk penyelidikan terdahulu, buku, artikel, akhbar internet, dan pengajian sarjana muda. Untuk memudahkan pemprosesan data yang komprehensif dan mudah, maklumat telah dikumpul berdasarkan penyelidikan akademik dan laman web lain yang boleh dipercayai. Pengkaji menggunakan setiap teknik ini untuk memastikan kebolehpercayaan bahan rujukan kajian dan pengumpulan data tidak diragui.

#### **3.4.1 Kaedah Kepustakaan**

Pengkaji mencari sebanyak mungkin hasil atau maklumat yang relevan berkaitan dengan kajian ini. Proses pengumpulan data dalam kaedah kepustakaan tertumpu pada pembacaan dan rujukan daripada jurnal, akhbar, artikel, tesis dan kertas kerja berkaitan dengan kajian ini. Sehubungan dengan itu, maklumat yang diperolehi akan digunakan oleh pengkaji untuk menulis dapatan kajiannya. Oleh hal yang demikian, bahan-bahan tersebut dijadikan sumber bacaan dan rujukan bagi membantu pengkaji menghasilkan penulisan ilmiah yang berkualiti.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah laman sesawang untuk mencari maklumat tentang tajuk yang dipilih oleh pengkaji iaitu interaksi masyarakat Melayu dengan alam dalam Ghairah Pantun : suatu pemahaman teori ekologi. Antara laman sesawang yang dicapai untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian ini

adalah 'Google Scholar', 'Academia.edu, Course Hero', 'Researchgate', 'Dewan Bahasa dan Pustaka', 'Scribd', dan 'Word Press'. Rujukan daripada laman sesawang telah membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat yang lebih banyak dan terkini mengenai skop kajian.

### **3.4.2 Kajian Analisis Tekstual**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kajian analisis teks yang mempunyai tiga kerangka iaitu pemilihan teks, gambaran tema serta penggunaan teori bagi memenuhi objektif kajian yang dinyatakan. Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan teks pantun daripada pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* oleh Sasterawan negara yang terkenal iaitu Muhammad Haji Salleh yang bertemakan alam dan menggunakan teori ekologi bagi menghasilkan kajian interaksi masyarakat Melayu dengan alam menerusi pantun. Hasil daripada teks-teks ini tersebut maka akan dimasukkan ke dalam analisis.

### 3.5 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data biasanya dilakukan selepas kaedah pengumpulan data. Data-data yang diperolehi akan diproses dan dianalisis dengan menggunakan analisis wacana bertulis bagi mendapatkan maklumat yang tepat tentang kajian ini. Analisis data dalam kajian ini menggunakan data sekunder bagi mencapai matlamat kajian ini. Kajian data sekunder terdiri daripada mengumpul data dari jurnal, artikel, internet, perpustakaan dan sebagainya. Kaedah analisis data terbahagi kepada tiga (3) iaitu kaedah analisis tekstual, kaedah analisis struktural, dan analisis teoritikal. Analisis data menerangkan suatu proses yang sistematik dalam menguruskan dan menunjukkan hasil kajian yang dihasilkan dengan cara yang mudah. Jelaslah bahawa, pengkaji menggunakan kaedah analisis data bagi memperoleh data dan menjelaskan dapatan kajian kepada umum.

#### 3.5.1 Kaedah Analisis Tekstual

Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis tekstual. Analisis tekstual merupakan analisis yang dilakukan ke atas sebuah teks bertujuan untuk memahami teks tersebut secara terperinci. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis tekstual yang melibatkan penggunaan teks pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* yang ditulis oleh Muhammad Haji Salleh. Pengkaji telah memilih beberapa tajuk pantun iaitu *Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia, Pantun Minangkabau Pada Akhir Abad ke-19 (Kumpulan Ophuijsen), Bila Terkenang Zaman Dahulu: Pantun Pulau Pinang, Estetika Pantun Melayu, Perayaan Metafora dan Mengutip Alam di Sumatera*. Teks pantun menunjukkan teori ekologi yang membincangkan unsur-unsur alam.

Tambahan lagi, pantun-pantun yang dipilih menunjukkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam mengaplikasikan unsur alam dalamnya.

### **3.5.2 Kaedah Analisis Struktural**

Analisis struktural ialah analisis yang digunakan dalam karya sastera yang berfokus kepada teksnya sendiri. Sehubungan dengan itu, analisis struktural dalam kajian ini menerangkan struktur pantun, rima pantun dan maksud pantun yang ingin disampaikan. Terdapat ciri-ciri pantun yang merangkumi dua aspek iaitu aspek luaran dan aspek dalaman. Menurut Harun Mat Piah (2016) menyatakan bahawa aspek dalaman ialah sesuatu yang sukar dikaji kerana ianya bersifat subjektif serta pemahaman teks pantun itu bergantung kepada pengalaman dan pemahaman pendengar. Penggunaan unsur alam dalam rangkap pantun pastinya bersifat struktural kerana pantun memaparkan keperibadian Melayu yang menghubungkan kaitkan pembayang dan isi. Aspek luaran pantun pula terdiri daripada dua bahagian iaitu pembayang dan maksud.

### **3.5.3 Kaedah Analisis Teoritikal**

Teori ekologi merujuk kepada teori kaitan hubungan antara kesusasteraan dan alam. Teori ekologi merupakan peluasan kaedah pengajaran mengenai kajian kesusasteraan berdasarkan teks yang berkaitan dunia bukan manusia dan hubungan antaranya. Teori ini bertujuan menyedarkan manusia agar tidak merosakkan bumi. Kepekaan pengaji dengan alam dapat dilihat dalam karya pantun dengan pelbagai bentuk interaksi iaitu laut, gunung, pohon-pohon, sungai, bintang, matahari, embun, hujan, ribut, pelbagai jenis haiwan, dan lain-lain.

### 3.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah menjelaskan dengan terperinci berkaitan dengan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji. Metodologi kajian ini dijangka akan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian penyelidikan penyelidik. Selain itu, pengkaji mengkaji beberapa aspek keindahan dan kebijaksanaan puisi Melayu menggunakan semua teknik yang boleh diakses. Hasilnya, pengkaji menggunakan data sekunder secara kajian kualitatif. Bagi memudahkan kajian ini dijalankan, pengkaji menggunakan teknik kualitatif. Sehubungan dengan itu, strategi kualitatif yang menggunakan data sekunder boleh menjamin bahawa setiap pertanyaan digunakan dengan cara yang ideal.



## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


#### 4.1 Pengenalan

Kajian yang bertajuk interaksi masyarakat Melayu dengan alam dijalankan bagi mengenalpasti unsur-unsur alam yang terdapat dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*. Selain itu, dalam bab ini akan menganalisis interaksi alam dengan masyarakat Melayu dahulu menggunakan teori ekologi serta mengkaji kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu selalu menggunakan unsur alam dalam puisi, pantun, cerpen dan sebagainya pada zaman dahulu. Menurut Zurinah Hassan (2008) menyatakan bahawa beliau telah melakukan suatu kajian bagaimana unsur-unsur alam mempunyai makna tersirat kepada kebesaran Tuhan dalam sesebuah karya sastera Melayu. Unsur-unsur alam biasanya digunakan dalam baris pantun yang dikenali sebagai pembayang dan baris yang dikenali sebagai maksud. Alam dimaksudkan adalah alam fizikal yang dapat dilihat dengan mata, didengar dan dirasai. Unsur alam dibahagikan kepada beberapa unsur antaranya unsur alam flora, fauna, fizikal (inderawi), ciptaan atau buatan manusia serta cakerawala. Sebagai contoh, pelangi, awan, laut, langit, gunung, pelbagai tumbuhan dan haiwan. Unsur alam yang difokuskan dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* adalah seperti tumbuh tumbuhan, laut, haiwan dan juga unsur waktu seperti pagi, petang dan senja.

## 4.2 Definisi konsep alam

Menurut Ensiklopedia Sains (1979), menyatakan bahawa alam semesta yang merangkumi bintang-bintang, bima sakti, objek sistem suria, serta semua bintang dan galaksi lain adalah alam semula jadi. Selain itu, Ensiklopedia Malaysiana menyatakan bahawa alam semula jadi boleh ditafsirkan dalam dua cara: sama ada sebagai glob, planet, dan segala-galanya di dalamnya, atau sebagai persekitaran yang mengelilingi seseorang individu atau kumpulan tertentu manusia atau makhluk lain. Menurut pemikiran Islam, alam dirujuk sebagai apa sahaja yang dijadikan oleh Allah SWT kerana dia adalah Khalik iaitu pencipta. Menurut Abu Bakar Abdul Majeed (1998), alam dibahagikan kepada dua iaitu alam musyahadah dan alam ghaib. Alam musyahadah ialah alam fizikal yang boleh dilihat dengan pancaindera atau difahami secara intelek. Alam roh dan alam akhirat adalah contoh alam ghaib, yang tidak dapat dilihat atau difahami oleh pancaindera atau akal. Sehubungan dengan itu dalam firmanNya, Tuhan menciptakan alam musyahadah untuk kesejahteraan dan manfaat manusia.

### 4.3 Unsur-Unsur Alam yang terdapat dalam pantun *Ghairah Dunia dalam Empat Baris*



Carta alir 1

Berdasarkan carta alir 1, konsep bagi unsur tersebut akan dijelaskan di halaman seterusnya.

#### 4.3.1 Flora

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), flora bermaksud keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sesuatu daerah atau pada sesuatu masa. Unsur alam flora yang memiliki pelbagai rupa, bentuk, warna, unik, wangi dan segar itu dikaitkan dengan nilai dan falsafah Melayu. William H. Brown dalam bukunya yang berjudul *Alam Tumbuh-Tumbuhan*, membahagikan tumbuhan kepada banyak kategori. Antaranya ialah tumbuhan peringkat tinggi, termasuk hidupan dengan akar, bunga, serta daun. Selain itu, dapat juga dilihat dengan teliti apabila masyarakat Melayu dahulu sangat bijak dalam mengaitkan flora-flora dengan sifat dan perlakuan manusia.

#### 4.3.1.1 Bunga

Bunga merupakan salah satu tumbuhan yang amat cantik dipandang. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), bunga merupakan suatu frasa yang terdiri daripada kiasan. Pengarang menggunakan perkataan ‘bunga’ bagi memperindahkan lagi pantunnya. Bunga juga dikaitkan dalam pantun kerana ianya memberi maksud kesucian, kehalusan budi pekerti serta kasih sayang. Tambahan pula, bunga melambangkan wanita kerana wanita merupakan individu yang anggun dan mempesonakan. Keperibadian wanita juga dikaitkan dengan bunga kerana ianya menarik, mekar dan wangi. Perkataan bunga dapat dilihat dalam rangkap di bawah,

Pasang pelita di tepi jalan,  
**Bunga** belimbing bunga keduduk,  
Minta tuan memberi jalan,  
Depan pelamin kami nak duduk

*(Bila Terkenang Zaman Dahulu : Pantun Pulau Pinang)*

Rangkap pantun di atas membawa maksud tersirat di mana pengantin dengan penuh sopan santun ingin memberitahu bahawa dia akan menjadi tuan rumah bagi seseorang yang telah dilamar. Bukan sahaja itu, pasangan pengantin tersebut juga secara tidak langsung meminta restu kerana mereka bakal menikah di hadapan khalayak.

#### 4.3.1.2 Pokok

Pokok merupakan sejenis tumbuhan berkayu dalam alam tumbuhan. Sejenis tumbuhan yang ditakrifkan sebagai pokok memiliki akar, batang, dahan dan daun. Pokok mempunyai jangka hayat yang panjang berbanding tumbuh-

tumbuhan yang lain. Perkataan pokok dapat dilihat dalam rangkap pantun di bawah,

**Pokok** jelutong getah jelutong,  
 Buat getah burung merpati,  
 Abang berpantun, adik berpantun,  
 Dalam pantun mengikat hati

*(Kurik Kundi, Merah Saga : Pantun Lisan Malaysia)*

Rangkap pantun di atas memiliki maksud tersirat iaitu berkaitan sesuatu pasangan dimana suka sesama mereka dan ingin memasuki ke alam perkahwinan. Pantun ini juga menjelaskan bahawa perasaan terhadap seseorang itu dapat juga diluahkan melalui pantun.

#### 4.3.1.3 Buah

Buah merupakan sumber makanan kepada manusia dan mempunyai pelbagai bentuk dan warna. Selain itu, dalam bidang pertanian difahamkan bahawa buah ialah ovari yang sudah masak serta mempunyai biji yang terhasil daripada pokok yang berbunga. Perkataan buah dapat dilihat dalam rangkap pantun yang berikut,

Nyiur manis lebat setandan,  
 Masak di bawah mayang mengurai,  
 Laksana **buah** duduk tersimpan,  
 Isi di dalam ditebuk tupai

*(Perayaan Metafora)*

Rangkap pantun di atas merupakan pantun yang bertemakan cinta dan maksudnya ialah seorang individu yang memiliki sikap ingin tahu yang hendak mengetahui isi hati pasangannya yang lama disimpan. Selain itu, terdapat

pelbagai jenis nama buah yang dikenali dalam rangkap pantun daripada beberapa tajuk. Antaranya ialah,

i. Limau

**Limau** manis dari seberang,  
Bawa budak dalam perahu  
Hitam manis hatiku sayang,  
Anak siapa aku tak tahu

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Maksud pantun tersebut ialah seorang individu melamar cinta terhadap seseorang yang disukainya tanpa mengetahui orang tersebut. Hal ini dikaitkan dengan cinta tidak mengenal rupa dan akan menyebabkan seseorang itu terpesona terhadap orang yang tidak dikenali pun.

ii. Durian

Masuk hutan dalam belukar,  
Hendak cari pucuk rotan,  
Sebab **durian** menjadi mangkar,  
Waktu luruh ditimpa kawan

*(Perayaan Metafora)*

Rangkap pantun di atas membawa maksud bahawa seseorang itu perlu bertolak ansur dengan sesiapa sahaja dengan cara yang baik kerana mungkin menerima padah kalau terlalu bersifat kasar. Sebagaimana orang tua dahulu sampaikan pesanan bahawa kita perlu hormati dan bertolak ansur dengan semua orang.

iii. Mangga

Lebat padi di tepi kolam,  
Anak tupai ditimpa **mangga**,  
Melihat kadi mencuri ayam,  
Uak lebai lupakan doa

*(Perayaan Metafora)*

Rangkap pantun di atas membawa maksud seseorang individu itu akan mencontohi perkara yang dilakukan oleh orang yang lebih tua tidak kira perbuatannya baik atau jahat. Sehubungan dengan itu, kita dinasihati supaya tidak menunjukkan atau membuat perbuatan yang tidak sepatutnya kepada seseorang yang lebih muda. Hal ini dikaitkan dengan peribahasa “bagaimana kuih begitulah acuannya”.

4.3.1.4 Tebu

Tebu merupakan dari keluarga rumput yang berasal dari Asia Tenggara. Ia adalah sejenis tanaman penghasil gula. Batangnya yang tebal berfungsi sebagai takungan sukrosa. Dengan mengeringkan air, gula dibuat daripada cecair ini. Gula yang dikristalkan telah dilaporkan semenjak 2500 tahun dahulu di India. Cecair yang didapati dari tebu dipanggil sebagai nira. Nira yang didapatkan dari batang tebu itu juga mempunyai ciri khas. Menurut Puri (2005) menyatakan bahawa nira yang didapati itu berwarna coklat kehijauan dan berada dalam keadaan segar terasa manis. Nira tebu ini juga boleh diminum sebagai satu minuman berperisa. Perkataan tebu dapat dilihat dalam rangkup pantun di bawah,

Mari ditetak **tebu** sejunjung,  
Letak mengkuang di tanah lubuk,  
Adik menanti tikar segulung  
Abang masuk bercium peluk

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Rangkap pantun di atas membawa maksud bahawa lain yang diharap oleh seseorang individu namun lain yang berlaku. Tema pantun ini ialah percintaan maka pasangan kekasih mempunyai jangkaan yang lain namun berlakunya perkara atau situasi yang tidak jangka akan berlaku.

#### 4.3.1.5 Padi

Padi adalah sejenis tumbuhan bijirin yang bijirannya dikumpulkan untuk menghasilkan beras yang boleh diproses menjadi nasi. Bagi kebanyakan orang di seluruh dunia terutamanya di Asia, Amerika Latin dan Caribbean, nasi adalah makanan utama. Di Malaysia, padi yang ditanam terbahagi kepada dua jenis iaitu padi sawah atau dikenali sebagai padi bendang dan padi huma atau padi bukit. Perkataan padi terkandung dalam pantun rangkap di bawah,

Laksamana menyukat beras,  
Sukat mari segantang **padi**,  
Timbang baik kalau jelas,  
Baru senang berjual beli

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Maksud rangkap pantun di atas ialah penulis meminta supaya semua individu untuk berfikir secara teliti sebelum mengambil sesuatu keputusan supaya tidak menyesal kemudian. Hal ini kerana keputusan yang diambil secara terburu-buru mungkin tidak betul.



### 4.3.2 Fauna

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menyatakan bahawa fauna ialah seluruh binatang yang hidup di sesuatu tempat antaranya hutan lembap tropika yang mengandungi sesetengah daripada hidupan liar. Simbol haiwan digunakan dalam rangkap pantun bagi mendidik masyarakat kerana dipercayai haiwan memiliki sifat-sifat atau nilai-nilai yang dapat dijadikan teladan.

#### 4.3.2.1 Penyu

Penyu merupakan haiwan yang terkenal di seluruh dunia dan mempunyai banyak simbolisme dalam pantun. Antaranya penyu dikaitkan dengan keadaan emosi, mental dan fizikal bagi masa tertentu dalam kehidupan. Perkataan penyu telah digunakan dalam ramngkap pantun seperti berikut,

Kuala Abang pasirnya putih,  
Tempat **penyu** membuat sarang,  
Apa guna hati merintih,  
Kekasih sudah dipinang orang?

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Pantun diatas bertemakan percintaan dimana rangkap pantun di atas menyampaikan kepada pasangan yang putus hubungan supaya jangan kesal kerana tiada gunanya menyesal apabila mengetahui tiada peluang lagi. Bak kata pepatah nasi sudah menjadi bubur.

#### 4.3.2.2 Burung

Burung ialah sejenis haiwan yang mempunyai dua sayap dan berkebolehan untuk terbang ke serata tempat. Burung juga mempunyai makna yang tersirat iaitu dikaitkan

dengan simbol kebebasan, melambangkan kekasih atau percintaan serta panjang umur. Rangkap pantun di bawah mengandungi unsur alam iaitu burung.

Telur angsa sarang setalam,  
Cendana sarang tempurung,  
Embun menitik serata alam,  
Nyawa melarat seperti **burung**

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Pantun diatas membawa maksud mungkin satu pencapaian seseorang individu mudah untuk dilihat oleh masyarakat tetapi segala cabaran yang dihadapi untuk berjaya sangatlah tinggi dan tidak dilihat oleh masyarakat.

#### 4.3.2.3 Ikan

Ikan merupakan sejenis haiwan yang hidup di dalam air. Ikan mempunyai insang serta memiliki pelbagai bentuk, saiz dan nama. Ikan digunakan dalam pantun Melayu bagi melambangkan bahawa kehidupan manusia adalah pelbagai dan berbeza bagi semua individu. Rangkap pantun di bawah mengandungi unsur fauna iaitu ikan.

Lembut lemak sisi bemban,  
Terendak **ikan** letak di paya,  
Lemak lemah sirih digenggam,  
Hendak diunjuk emaknya ada

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Maksud rangkap pantun diatas pula menjelaskan bahawa walaupun jua keadaan atau situasi yang berlaku, insan mulia iaitu ibu pastinya akan sentiasa ada di sisi anaknya. Pantun di atas juga jelas menyampaikan bahawa tiada insan yang lebih menyayangi atau menjaga kita selain insan yang dinamakan sebagai ibu.

#### 4.3.2.4 Udang

Udang juga merupakan salah satu haiwan yang hidup di dalam air. Udang boleh dilihat dan didapati di dalam air tawar dan air masin. Udang merupakan haiwan yang boleh dimakan namun udang dianggap seekor haiwan yang bodoh jika dikaitkan dengan frasa ‘otak udang’. Otak udang diberi maksud iaitu peribadi seseorang individu yang mempunyai akal fikiran yang kurang cerdas atau pun dikenali sebagai tidak pintar. Perkataan udang dapat dilihat dalam rangkap pantun yang berikut,

Ke pulau kita ke pulau,  
Ke Pulau menjaring **udang**  
Begurau kita bergurau,  
Begurau mengenang untung

*(Pantun Minangkabau Akhir Abad ke-19)*

Maksud pantun di atas pula memberi maksud bahawa pergurauan yang kita lakukan perlulah bertempat supaya tidak melampaui batas. Selain itu, gurauan perlulah mempunyai had tersebut kerana mungkin mengecewakan hati seseorang.

#### 4.3.2.5 Ayam

Ayam merupakan sejenis unggas bela jinak dan subspecies kepada ayam hutan merah. Ayam menggambarkan tentang sifat haiwan yang selalu memberikan perlindungan kepada ahli keluarga. Ayam menunjukkan sifat penyayang serta melindungi anak-anaknya dari ancaman bermula dari proses pengeraman. Selain itu, ayam jantan juga mempunyai maksud berbeza dimana ia disimbolkan sebagai keberanian ataupun semangat juang yang tinggi dalam menghadapi musuh.

Anak **ayam** turun delapan,  
Mati seekor tinggal tujuh,  
Harta benda biar tersimpan,  
Menyelamatkan benda dengan tubuh

Anak **ayam** turun tujuh,  
Mati seekor tinggal enam,  
Menyelamatkan benda dengan tubuh,  
Supaya keturunan jangan jahanam

*(Bila Terkenang Zaman Dahulu: Pantun Pulau Pinang)*

Maksud pantun di atas ialah kekayaan atau kemewahan perlulah dirahsiakan supaya ia tidak menjadi satu faktor kita bersusah kemudian kerana bukan semua orang di sekeliling kita berpuas hati dan gembira dengan segala harta benda yang kita miliki kerana kebanyakannya akan iri hati.

### 4.3.3 Fizikal / Inderawi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), alam fizikal adalah bukan kebendaan atau keadaan alam semula jadi. Selain itu, alam fizikal merupakan alam yang dilihat oleh manusia dan sebahagiannya dapat disentuh. Alam fizikal terdiri daripada batu, gunung, sungai, matahari, tanah, pulau dan sebagainya.

#### 4.3.3.1 Paya

Paya ialah sebarang jenis tanah berlumpur, sama ada secara semula jadi atau buatan, yang mengandungi campuran air tawar dan air masin sama ada secara kekal atau seketika. Ini termasuk bahagian lautan yang kedalaman kurang daripada 6meter ketika air surut. Paya ini biasanya dipenuhi dengan berbagai-bagai tumbuhan. Perkataan paya dapat dilihat dalam pantun rangkap berikut,

Lembut lemak sisi bembun,  
Terendah ikan letak di **paya**,  
Lemak lemah sirih digenggam,  
Hendak diunjuk emaknya ada.

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Rangkap pantun di atas membawa maksud bahawa ibu bapa pasti akan bersama anaknya apabila mengalami sesuatu masalah ataupun perkara buruk. Bukan itu sahaja, anak itu sendiri akan mencari orang tuanya atau ibu bapanya apabila menghadapi masalah.

#### 4.3.3.2 Batu

Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrifkan batu sebagai benda keras yang berasal dari bumi tetapi bukan logam dan terdiri daripada pelbagai jenis. Batu adalah sejenis bahan yang terdiri daripada mineral dan dikelaskan menurut komposisi mineral. Pengkelasan ini dibuat dengan berdasarkan kandungan mineral iaitu jenis-jenis mineral yang terdapat di dalam batuan ini. Perkataan batu dapat dilihat dalam rangkap pantun di bawah,

Apa benda dalam pasu,  
Rebus ketupat jadi **batu**,  
Kalau berniaga kongsi bisu,  
Jangan untung rugi tak tentu.

*( Kurik Kundi, Merah Saga : Pantun Lisan Malaysia )*

Maksud rangkap pantun di atas ialah jika berniaga perlulah menunjuk ajar strategi atau berkongsi idea kepada peniaga yang baru ke fasa perniagaan supaya kedua-dua pihak mendapat keuntungan. Selain itu, perniagaan yang dilakukan haruslah dengan cara yang lurus supaya rezeki yang diperoleh adalah halal.

#### 4.3.3.3 Pulau

Sebidang tanah yang dikelilingi oleh air yang lebih kecil daripada benua dan lebih besar daripada terumbu dikenali sebagai pulau. Kepulauan adalah himpunan pulau. Dari segi linguistik, boleh dikatakan semua kawasan yang dikelilingi oleh air dirujuk sebagai pulau. Walau bagaimanapun, batu timbul dan pulau yang ditinggikan dirujuk menggunakan perkataan yang berbeza dalam undang-undang. Sebagai contoh, batuan yang tidak dapat menyokong habitat atau ekonomi manusia sendiri tidak mempunyai zon eksklusif ekonomi, seperti yang dinyatakan dalam Perkara 121 Undang-undang Laut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982. Secara ringkasnya, Artikel 121 menerangkan pulau sebagai sebidang tanah yang boleh mengekalkan kediaman dan dikelilingi oleh air. Perkataan pulau dapat dilihat dalam rangkap petikan di bawah,

Ke pulau kita ke **pulau**,  
Ke pulau menjaring udang  
Begurau kita bergurau,  
Begurau mengenang untung

( *Pantun Minangkabau pada Akhir Abad Ke-19* )

Maksud rangkap pantun di atas ialah kita perlu mengetahui batas pergurauan serta tempat kerana mungkin membawa diri kepada masalah yang besar dan yang tidak sangka. Selain itu, diri kita akan dianggap tidak sopan di kalangan orang tua.

#### 4.3.3.4 Angin

Istilah "angin" merujuk kepada pergerakan udara dari suatu tempat ke suatu tempat lain. Mengikut undang-undang fizik, zarah gas bawaan udara bergerak dari kawasan tekanan tinggi ke kawasan tekanan rendah, iaitu bagaimana angin dihasilkan. Ia juga boleh disebabkan oleh perbezaan suhu akibat pemanasan yang tidak sekata di seluruh

permukaan bumi. Apabila keadaannya betul, angin boleh mengubah suai permukaan bumi kerana ia berlaku dalam pelbagai bentuk dan tahap serta mempunyai kelajuan dan tenaga untuk melakukannya. Sepanjang sejarah tamadun manusia, kuasa angin telah digunakan secara meluas sebagai sumber tenaga untuk mencipta tenaga kerja dalam pelbagai bidang, daripada mekanik dan navigasi kepada teknologi hijau. Perkataan angin dapat ditemui dalam rangkap pantun di bawah,

**Angin** barat, gelombang barat,  
 Riaknya menyapu-nyapu gunung,  
 Dek gunung patah Sembilan  
 Dari balai balairung panjang  
 Ke pekan si Amat Dunia,  
 Salam dijawab, kiriman dijawab,  
 Jawabnya di dalam telur burung,  
 Dibuka di muka jangan,  
 Periksa dulu orang nan punya,  
 Bak itu pantasnya main dunia.

*(Pantun Minangkabau pada Akhir Abad ke-19)*

Maksud rangkap pantun di atas dapat dikaitkan dengan nasihat yang selalu disampaikan oleh orang tua dimana seorang individu perlulah memberi salam kepada orang yang lebih tua dan perlu bersopan santun dimana sahaja kita berada. Hal ini dapat dilihat dalam kepercayaan Islam yang menekankan bahawa seseorang itu perlu bersopan santun dan memberi salam.

#### 4.3.3.5 Hutan

Dalam erti kata yang luas, istilah "hutan" merujuk kepada tempat yang dilitupi dengan pokok liar yang telah dibiarkan berkembang sendiri. Khazanah negara yang berharga yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi seterusnya ialah hutan. Malaysia merupakan sebuah negara tanah pamah yang mempunyai hutan khatulistiwa atau hutan hujan tropika. Kurang daripada 1000meter adalah ketinggian hutan malar hijau ini. Perkataan hutan dapat dilihat dalam rangkap petikan yang berikut,

Masuk **hutan** dalam belukar,  
Hendak cari pucuk rotan,  
Sebab durian menjadi mangkar,  
Waktu luruh ditimpa kawan

*(Perayaan Metafora)*

Maksud rangkap di atas pula ialah kita tidak sepatutnya mengingkar atau tidak mematuhi arahan orang tua kerana nasihat dan perkara yang ingin disampaikan mungkin berguna kepada diri sendiri. Hal ini kerana jika kita mengingkari hal tersebut, mungkin kita akan menerima padah. Sebagaimana dikatakan dalam peribahasa “sediakan payung sebelum hujan”, patuhilah nasihat orang tua sebelum terjadi sesuatu yang buruk.

#### **4.3.4 Ciptaan Manusia / Buatan Manusia**

Alam yang dihasilkan oleh manusia, atau alam semula jadi yang telah diubahsuai oleh manusia. Bagi memperkasakan sektor pembangunan khususnya dalam sektor perindustrian ekonomi atau sektor perindustrian pelancongan, manusia menggunakan teknologi semasa untuk menghasilkan sesuatu produk atau lokasi yang menarik minat orang ramai walaupun dengan kos yang agak tinggi.

##### **4.3.4.1 Bangunan**

Dalam pembinaan, seni bina, kejuruteraan, bangunan ditakrifkan sebagai mana-mana struktur binaan manusia yang digunakan atau didiami oleh manusia setiap hari.

Bangunan adalah seperti rumah, balai, surau, sekolah, klinik dan sebagainya.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, balai didefinisikan sebagai Gedung atau rumah bagi orang ramai.



i. Balai

Balai juga didefinisikan sebagai adat rumah bagi melakukan upacara adat agung.

Perkataan balai dapat dilihat dalam rangkap pantun di bawah iaitu:

Radin Galuh di pintu maling,  
Anak raja di tangga **balai**,  
Yang duduk mengeluh hati berpusing,  
Hajat ada, niat tak sampai.

*(Perayaan Metafora)*

ii. Rumah

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), rumah juga dikategorikan sebagai bangunan. Rumah didefinisikan sebagai sebuah tempat kediaman untuk manusia.

Ianya terdiri daripada atap, dinding dan sebagainya untuk melindungi daripada ancaman. Maksud rangkap di atas ialah tidak perlulah seseorang itu berfikir panjang kerana jika sesuatu ditakdirkan untuk berlaka maka perkara itu akan berlaku dan tidak perlulah kita berfikir tentangnya.

Seterusnya, perkataan rumah terdapat dalam rangkap pantun di bawah,

**Rumah** limas bertangkal-tangkal,  
Bawa mari pergi ke Mekah,  
Abang dah kasi emas sejengkal,  
Bila pula kita anak nikah ?

*(Kurik Kundi, Merah Saga : Pantun Lisan Malaysia)*

Rangkap pantun di atas pula berkaitan percintaan dimana individu yang digelar “abang” merupakan pengantin lelaki mengatakan sudah diberi hantaran perkahwinan namun diberi nama “anak nikah”. Hal ini dapat dikaitkan dengan individu yang suka mengatakan orang yang dapat dilihat pada zaman sekarang juga.

### 4.3.5 Cakerawala

Alam Cakerawala merupakan kumpulan sistem matahari yang terdiri daripada sembilan planet yang berpusat kepada matahari. Alam cakerawala terdiri daripada bulan, matahari, bintang, awan dan sebagainya.

#### 4.3.5.1 Awan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), awan ialah kumpulan wap air yang muncul di langit sebagai asap putih atau kelabu. Pengarang telah memasukkan elemen unsur alam cakerawala iaitu ‘awan’ dalam rangkap pantun di bawah,

Di tengah hari **awan** berarak,  
Cahayanya redup di hujung desa,  
Biar kumati tulang berserak,  
Daripada hidup dikahwin paksa.

( *Bila Terkenang Zaman Dahulu : Pantun Pulau Pinang* )

Rangkap pantun di atas berkaitan dengan kehidupan seseorang yang dipaksa untuk berkahwin dimana maksud yang diberikan ialah lebih baik dirinya mati daripada mengahwini orang yang tidak disukainya.

#### 4.3.5.2 Matahari

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), matahari ialah sebuah bintang yang menjadi pusat dalam sistem suria yang mengeluarkan cahaya. Matahari juga merupakan planet yang dekat dengan bumi serta menghasilkan keadaan iklim yang berbeza. Hal ini dapat dilihat menerusi rangkap pantun di bawah,

Bulan **matahari** kelim gerhana,  
Bintang bertabur laut dan darat,  
Kahwin paksa besar bencana,  
Hidup sengsara sakit melarat

( *Bila Terkenang Zaman Dahulu: Pantun Pulau Pinang* )

Maksud pantun di atas ialah bukan semua orang yang berkahwin secara paksa, hidup dengan bahagia namun ramai daripada mereka yang tidak bahagia kerana menghadapi keseksaan dalam hidup. Melalui rangkap di atas, menyampaikan nasihat bahawa jika kahwin secara paksa, hidup pasti akan sengsara.

#### 4.3.5.3 Bulan

Bulan merupakan satelit semula jadi bumi yang bergerak mengelilingi bumi dalam 28 hari dan bersinar pada waktu malam oleh cahaya yang diterbalikan sekali oleh matahari. Walaupun permukaan bulan amat gelap dan mempunyai pemantulan yang setara dengan arang batu, ia adalah objek kedua paling terang di langit selepas matahari. Dianggarkan bahawa Bulan berasal sekitar 4.5 bilion tahun yang lalu, tidak lama selepas Bumi. Perkataan bulan dapat dilihat dalam pantun rangkap yang berikut,

Jika tidak kerana **bulan**,  
Bintang tidak terbit pagi,  
Jika tidak kerana tuan,  
Saya tidak jadi begini

( *Bila Terkenang Zaman Dahulu : Pantun Pulau Pinang* )

Maksud rangkap pantun di atas ialah segala perbuatan seorang anak bergantung kepada ibu bapanya dimana anak-anak akan mencontohi wataknya. Perbuatan baik dan buruk anak tersebut bergantung kepada orang tuanya. Oleh hal yang demikian, ibu bapa haruslah memainkan peranan penting dalam menjaga perbuatan dan menjadi teladan kepada anak-anak.

#### 4.3.5.4 Bintang

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), bintang ialah salah satu cakerawala yang beribu banyaknya yang mengeluarkan cahaya dan kelihatan berkelip-kelip di langit pada waktu malam. Selain itu, bintang adalah awan yang terdiri daripada

gumpalan gas dan debu yang terkumpul akibat daya tarikan graviti yang kuat dan akan membentuk satu gumpalan yang besar. Perkataan ‘bulan’ dapat dilihat dalam rangkap pantun dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* seperti berikut,

Ambil parang galikan tunggul,  
Tunggul ada berikat tali,  
Matahari masuk bulan pun timbul,  
Cahaya **bintang** tak guna lagi

*(Perayaan Metafora)*

Maksud rangkap pantun di atas ialah jika sesuatu kesalahan telah dilakukan, tidak gunanya meyesal kemudian. Hal ini juga dijelaskan kerana sesuatu kesalahan yang dilakukan pastinya diketahui dan tiada kesalahan yang dilakukan secara tidak sengaja. Maka kita haruslah berfikir dengan teliti sebelum melakukan sebarang perbuatan.

#### **4.4 Interaksi alam dengan masyarakat melayu dahulu menggunakan teori ekologi dalam pantun *Ghairah Dunia Dalam Empat Baris***

Menurut Hashim Awang (1997), masyarakat Melayu mempunyai kelebihan memimpin perhubungan yang amat rapat dengan alam pada peringkat asalnya. Masyarakat Melayu bergantung kepada alam dari dahulu lagi untuk meneruskan kehidupan sedia kala dan amat peka terhadap persekitaran dan kejadian yang berlaku di sekeliling mereka akibat daripada corak kewujudan yang sedemikian. Mereka juga akan bertindak balas dengan segera kepada sesuatu perkara yang berlaku di sekelilingnya serta melihat sebagai tontonan atau pengajaran untuk kehidupan mereka sendiri. Sehubungan itu, pengkaji akan mengupaskan dengan lebih terperinci berkaitan interaksi masyarakat Melayu dengan alam.

##### **4.4.1 Flora**

###### **4.4.1.1 Unsur alam sebagai alat kecantikan yang digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu**

Masyarakat Melayu dahulu amat mementingkan alam kerana terdapat banyak kegunaan dalam kehidupan mereka antaranya ialah digunakan sebagai alat kecantikan. Alat kecantikan adalah seperti kegunaan flora dalam majlis-majlis tertentu, hiasan diri dan sebagainya. Masyarakat Melayu dahulu amat memberikan keutamaan dan terkenal dalam gaya dan fesyen yang menarik. Selain itu, unsur flora menjadi satu perhiasan yang penting dalam majlis-majlis masyarakat Melayu seperti majlis perkahwinan, majlis keramaian, majlis hari lahir dan sebagainya. Unsur flora yang digunakan untuk alat kecantikan dapat dilihat dalam rangkap pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* seperti di bawah,

i. Bunga

Pasang pelita di tepi jalan,  
**Bunga** belimbing bunga keduduk,  
Minta tuan memberi jalan,  
Depan pelamin kami nak duduk

*(Bila Terkenang Zaman Dahulu : Pantun Pulau Pinang)*

Jelas dilihat bahawa unsur alam flora iaitu bunga memainkan peranan yang penting dalam perhiasan sesuatu majlis. Terdapat beberapa jenis bunga yang digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu antaranya bunga ros, bunga melur, bunga tulip dan sebagainya. Masyarakat Melayu dahulu mengutamakan penggunaan bunga-bunga asli yang ditanam sendiri namun masyarakat moden pada masa kini lebih gemar untuk menggunakan bunga-bunga palsu kerana dapat menjimatkan masa dan tenaga dalam perhiasan sebuah majlis. Di samping itu, bunga juga digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu dalam menghias diri sendiri seperti menyelit bunga di tepi telinga dan pada sanggul rambut. Gaya tersebut menjadi salah satu identiti masyarakat Melayu dahulu dan dianggap sebagai keunikan mereka. Hal ini dapat dikaitkan dengan teori ekologi iaitu penggunaan alam menjadi amalan masyarakat Melayu dahulu serta mempengaruhi masyarakat lain dalam penggunaan bunga tersebut. Maka jelaslah, bahawa masyarakat Melayu dahulu berinteraksi dengan alam dalam penggunaan unsur flora sebagai alat kecantikan.

#### **4.4.1.2 Unsur alam digunakan dalam perubatan tradisional oleh masyarakat**

##### **Melayu dahulu**

Perubatan tradisioanal merupakan perubatan yang dimulakan oleh masyarakat dahulu terutamanya masyarakat Melayu. Perubatan tradisional dibuat sepenuhnya menggunakan unsur alam yang dapat menyembuhkan sebarang penyakit. Selain perubatan moden yang digunakan pada zaman kini untuk menyembuhkan penyakit dalam masa yang singkat, perubatan tradisional telah menjadi perubatan yang dipercayai oleh masyarakat Melayu dahulu walaupun proses penyembuhan tersebut mengambil masa yang agak lama. Hal ini kerana, kekurangan kemajuan teknologi pada masa dahulu telah memberikan keutamaan masyarakat untuk menggunakan perubatan tradisional. Selain itu, masyarakat Melayu dahulu amat pandai dalam penghasilan ubatan tradisional. Perubatan tradisional juga dikenali sebagai perubatan yang dapat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit tetapi mengambil masa yang agak lama serta difahamkan tidak mempunyai sebarang kesan sampingan sebagaimana perubatan moden miliki. Namun, perubatan tradisional kini kurang mendapat sambutan atau masyarakat tidak mengambilnya kerana lebih suka dan menganggap perubatan moden dapat menjimatkan masa dan duit. Unsur alam yang digunakan dalam perubatan tradisional dapat dilihat dalam rangkap pantun di bawah,

## i. Limau

**Limau** manis dari seberang,  
Bawa budak dalam perahu  
Hitam manis hatiku sayang,  
Anak siapa aku tak tahu

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Limau merupakan salah satu buah yang digunakan dalam penghasilan perubatan tradisional. Sebagaimana ramai yang mengetahui bahawa masyarakat Melayu rajin dalam menanam pelbagai tumbuhan seperti pokok limau. Masyarakat Melayu dahulu menggunakan limau yang dipetik dan dijadikan jus limau sebagai tonik dan juga penawar untuk racun. Selain itu, limau selalu digunakan untuk meningkatkan stamina, merawat masalah pendarahan rahim, dan digunakan untuk membersihkan muka daripada jerawat. Bukan itu sahaja, limau juga diperah dan digunakan untuk kulit kepala bagi menghapuskan kelemumur dan kulit kepala yang berminyak. Petua ini juga kini digunakan oleh masyarakat bagi mengatasi masalah-masalah tersebut namun tidak rami daripadanya kerana pengeluaran produk-produk baharu.

## ii. Bawang

Pergi ke teluk membeli **bawang**,  
Lada muda perca kain,  
Saya tidak takut ditinggal abang,  
Badan muda mencari lain.

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Selain daripada limau, bawang juga merupakan salah satu herba yang digunakan dalam perubatan tradisional. Bawang merupakan salah satu tumbuhan herba yang dapat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit dan untuk melegakan ketidakselesaan tubuh badan. Bawang pula terdiri



daripada dua jenis iaitu bawang merah dan putih. Kedua-dua bawang tersebut mempunyai kebaikan tersendiri. Masyarakat Melayu dahulu menggunakan bawang merah bagi menurunkan tahap kandungan gula, mengatasi masalah kemurungan, dan mengurangkan risiko kardiovaskular (Sinar Harian, 2019) Kaedahnya pula ialah dengan makan secara mentah atau boleh dijadikan jus dan minum begitu sahaja. Tambahan lagi, bawang putih pula digunakan, dalam membunuh parasite iaitu organisme seperti “protozoa, helminths dan ectoparasites”, membantu dalam sistem pernafasan, perbaiki sistem penghadaman dan kandungan tenaga yang rendah. Kandungan nutrien yang terdapat dalam bawang putih menjadi sumber mineral utama untuk kesihatan manusia. Selain berfungsi menjadi anti bakteria, bawang putih juga dapat mencegah penyakit serangan jantung dan tekanan darah tinggi serta penyakit kanser.

iii. Lada

Pergi ke teluk membeli bawang,  
**Lada** muda perca kain,  
 Saya tidak takut ditinggal abang,  
 Badan muda mencari lain.

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

Pada zaman kini, lada dikenali sebagai suatu bahan yang digunakan dalam masakan namun ramai yang tidak mengetahui bahawa lada juga digunakan dalam perubatan tradisional oleh masyarakat Melayu dahulu. Antara kebaikannya ialah daun dan buah pokok lada hitam digunakan untuk melegakan hidung tersumbat, batu karang, demam mengubati ruam pada kulit serta membunuh cacing dalam usus. Selain itu, lada juga digunakan untuk ibu-ibu bersalin terutamanya bagi menyegarkan dan

memanaskan badan. Masyarakat Melayu dahulu mempercayai bahawa lada merupakan antara tumbuhan yang mempunyai banyak kebaikan dan efektif dalam merawat penyakit serta juga dikatakan antara bahan yang paling banyak digunakan sebagai ubat. Kesimpulannya, dapat dilihat dengan jelas bahawa perubatan tradisional yang menggunakan pelbagai jenis tumbuhan memainkan peranan yang penting dalam mengubati pelbagai penyakit yang dimulakan oleh masyarakat Melayu dahulu dan kini dibawa secara turun temurun. Hal ini dapat dikaitkan dengan teori ekologi iaitu ekosistem dimana masyarakat Melayu dahulu berinteraksi dengan alam dari pelbagai jenis bidang antaranya bidang perubatan.

#### **4.4.1.3 Unsur alam dijadikan sebagai bahan ritual oleh masyarakat Melayu dahulu**

Ritual merupakan peraturan atau perlakuan yang ditetapkan dan diwarisi oleh masyarakat sesebuah kaum. Menurut ahli antropologi, ritual dilihat daripada beberapa sudut seperti segi simbolik iaitu ciri-ciri perlambangan dalam ritual. Ritual juga dilihat daripada segi hubungan antara cara dengan matlamat perlakuan atau peraturan tersebut. Masyarakat Melayu pula amat terkenal dengan berbagai ritual antaranya kelahiran, perkahwinan dan juga kematian. Dari segi perkahwinan, adat pertunangan masih lagi diamalkan dalam perkahwinan masyarakat Melayu. Terdapat beberapa bahan yang digunakan sebagai bahan ritual dan segelintir daripadanya ialah unsur alam. Antara bahan ritual yang digunakan adalah seperti, buah-buahan, pelbagai jenis bunga, daun sirih dan sebagainya. Unsur alam flora

yang dijadikan sebagai bahan ritual terdapat dalam beberapa rangkup pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* seperti di bawah,

i. Bunga

**Bunga kenanga** bunga kenangan,  
Kenangan Uda bersama Dara,  
Seribu tahun dalam kehilangan,  
Namun lupa tidak ketara.

(*Perayaan Metafora*)

Bunga merupakan salah satu bahan yang amat penting dalam upacara sesuatu masyarakat terutamanya masyarakat Melayu. Dalam rangkap pantun di atas, bunga kenanga merupakan unsur flora yang digunakan dalam upacara tertentu. Bunga kenanga atau nama saintifiknya *Cananga odorata* merupakan tanaman yang biasanya ditanam sebagai tanaman pagar. Bunga kenanga ini mempunyai ketinggian sehingga dua meter dan pokoknya tidak sebesar pokok liar di hutan. Bunga kenanga juga digunakan dalam upacara tertentu kerana mempunyai bau yang harum dan segar. Biasanya bunga kenanga digunakan dalam upacara perkahwinan. Sebagaimana kita ketahui bahawa masyarakat Melayu dahulu yang rapat dengan alam dan selalu menggunakan segala tumbuhan yang didapati dalam persekitarannya dalam sesebuah ritual atau upacara. Penggunaan bunga kenanga adalah satu kewajipan dalam menjalankan upacara pernikahan adat dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu. Menurut masyarakat Melayu dahulu, bunga kenanga digunakan bertujuan untuk mempersiapkan pengantin supaya nampak berseri menjelang majlis tersebut. Selain itu, masyarakat Melayu juga menggunakan bunga kenanga tersebut dalam

upacara siraman yang merupakan satu upacara untuk memandikan pengantin sebelum melaksanakan upacara pernikahan. Upacara siraman ini bertujuan untuk membersihkan segala kotoran jiwa bagi memulakan kehidupan baru dalam perkahwinan. Jelaslah bahawa masyarakat Melayu dahulu mempercayai bahawa penggunaan unsur alam dalam upacara seperti perkahwinan dapat sucikan dan membersihkan perkara buruk.

ii. Sirih

Tetak nyirih galangan dapur,  
Mari ditetak dengan dahannya,  
Minta **sirih** barang sekapur,  
Mari minta dengan tuannya.

*(Perayaan Metafora)*

Selain daripada bunga, sirih juga salah satu unsur alam yang digunakan dalam sesebuah ritual. Sirih merupakan sejenis pokok yang menjalar dan daun-daunnya dimanfaatkan dalam kalangan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu. Sirih di Malaysia terbahagi kepada empat sirih melayu, sirih cina, sirih keling dan sirih hutan. Selain digunakan untuk mengunyah bersama bahan sampingan iaitu buah pinang, sirih juga digunakan dalam beberapa upacara. Daun sirih digunakan oleh masyarakat Melayu sebagai hantaran dalam upacara perkahwinan yang dianggap sebagai pembuka dan pelengkap upacara tersebut. Masyarakat Melayu dahulu pasti memyampaikan segala adat tersebut dengan memiliki maknanya tersendiri seperti penggunaan sirih ini miliki. Menurut masyarakat Melayu dahulu, penggunaan sirih dalam upacara perkahwinan dianggap penting kerana dapat menjaga hubungan kedua-dua pihak. Selain daripada penggunaan

dalam upacara perkahwinan, sirih juga digunakan untuk para ibu hamil. Daun sirih digunakan dalam adat melenggang perut yang akan dilakukan oleh tok bidan dan upacara ini selalunya dilakukan secara kecil-kecilan yang dihadiri oleh orang-orang tua di suatu tempat tersebut. Selepas beberapa proses yang dilakukan dalam adat ini, bersama sama kelapa, beras, damar, sirih pinang beserta dengan wang pengeras lima suku akan diberikan kepada tok bidan sebagai tanda terima kasih. Hal ini telah dipercayai dan dibawa sehingga kini oleh masyarakat Melayu. Jelaslah bahawa unsur alam menjadi salah satu bahan utama dalam sesebuah ritual atau upacara masyarakat Melayu. Hal ini dikaitkan dengan teori ekosistem yang menjelaskan bahawa masyarakat Melayu dahulu yang lebih menggunakan unsur alam bagi kesemua upacara yang diadakan.

#### **4.4.2 Fauna**

##### **4.4.2.1 Unsur alam sebagai sumber makanan kepada masyarakat Melayu dahulu**

Alam merupakan keutamaan kepada masyarakat terutamanya masyarakat Melayu dahulu. Setiap makhluk di dunia ini mempunyai keperluan asas utama iaitu makanan. Oleh hal yang demikian, industri makanan telah muncul sebagai sumber pendapatan yang sangat kaya dan kini menjana berjuta-juta dolar. Namun, masyarakat kini tidak mengambil peduli dan melupakan dari mana sumber makanan diperolehi, sama ada dalam bentuk sayur-sayuran mahupun haiwan. Unsur alam yang menjadi sumber makanan dapat dilihat dalam rangkap pantun pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* seperti di bawah,

## i. Ikan

Lembut lemak sisi bemban,  
Terendak **ikan** letak di paya,  
Lemak lemah sirih digenggam,  
Hendak diunjuk emaknya ada

*(Kurik Kundi, Merah Saga: Pantun Lisan Malaysia)*

## ii. Ayam

Anak **ayam** turun delapan,  
Mati seekor tinggal tujuh,  
Harta benda biar tersimpan,  
Menyelamatkan benda dengan tubuh

Anak **ayam** turun tujuh,  
Mati seekor tinggal enam,  
Menyelamatkan benda dengan tubuh,  
Supaya keturunan jangan jahanam

*(Bila Terkenang Zaman Dahulu: Pantun Pulau Pinang)*

Jelaslah bahawa, penciptaan haiwan telah memberikan sumbangan yang besar kepada kehidupan manusia dalam pelbagai bentuk misalnya membekalkan makanan dan minuman seperti daging dan susu, telur sebagai salah satu cara untuk memenuhi kelangsungan kehidupan di dunia ini. Begitulah kehidupan masyarakat dahulu yang meneruskan kehidupan kerana adanya makanan yang berunsurkan fauna ini. Masyarakat dahulu amat pandai dalam memburu haiwan dan menangkap ikan maka ayam dan ikan akan menjadi buruan bagi dihidangkan. Di samping itu, manusia tidak pernah lari daripada memerlukan daging sebagai makanan harian mereka apabila kandungan haiwan akan memberikan protein dan gizi yang tinggi untuk pertumbuhan dan perkembangan manusia. Hal ini dapat dikaitkan dengan teori ekologi iaitu ekosistem kerana masyarakat Melayu dahulu amat bergantung kepada persekitarannya dengan berinteraksi secara langsung dengan unsur-unsur fauna.

Maka, jelaslah bahawa alam dijadikan sumber makanan kepada masyarakat bukan sahaja dahulu namun sehingga kini.

#### 4.4.3 Inderawi

##### 4.4.3.1 Unsur alam digunakan sebagai kemudahan pengangkutan oleh masyarakat

##### Melayu dahulu

Pada zaman dahulu, manusia menjalankan kehidupannya di pinggir laut atau sungai. Oleh hal yang demikian manusia menjadikan sungai dan laut sebagai jalan perhubungan yang dikenali sebagai jalan air. Selain itu, bandar-bandar yang awal kebanyakannya dibina di pinggir laut atau sungai dan menjadi suatu kemudahan bagi masyarakat untuk menggunakan jalan air. Masyarakat Melayu dahulu telah menggunakan jalan air ini untuk berhubung antara satu sama lain. Pelbagai aktiviti telah mendorong mereka untuk terus menggunakan laluan air antaranya ialah untuk berdagang. Perdagangan merupakan salah satu sektor yang membantu masyarakat Melayu dahulu untuk menyara hidup. Antara unsur alam yang digunakan sebagai jalan air dapat dilihat dalam rangkap pantun yang didapati dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* di bawah,

i. Laut

Bulan matahari kelam gerhana,  
Bintang bertabur **laut** dan darat,  
Kahwin paksa besar bencana,  
Hidup sengsara sakit melarat

(*Bila Terkenang Zaman Dahulu: Pantun Pulau Pinang*)

Sebagaimana dikenali oleh masyarakat, laut merupakan laluan pengangkutan yang utama digunakan bagi berhubung dengan orang lain.

Bukan sahaja masyarakat Melayu dahulu namun pedagang-pedagang dari

luar negara turut menggunakan laluan air tersebut untuk berdagang. Masyarakat Melayu dahulu menggunakan laluan air laut untuk menyeberang ke negara lain ataupun ingin pergi ke tempat jauh dan biasanya mereka akan ke tempat-tempat yang jauh untuk berniaga sahaja. Walaupun kekurangan teknologi pada zaman dahulu, masyarakat Melayu telah mampu membina pelbagai jenis kapal untuk menyeberang laut dan menampung kelompok masyarakat.

ii. Sungai

Ikan emas ikan pelaga,  
Kena lukah di **Sungai** Selama,  
Tuan emas saya tembaga,  
Adakah layak duduk bersama?

*(Bila Terkenang Zaman Dahulu: Pantun Pulau Pinang)*

Selain laut, sungai merupakan jalan air yang paling terkenal digunakan pada zaman dahulu. Kesemua sungai ini berperanan mengabungkan kawasan hulu dan hilirserta memudahkan urusan masyarakat. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu membina beberapa pengangkutan yang boleh digunakan di sungai antaranya rakit, sampan, perahu dan sebagainya. Mereka akan menggunakan rakit dan sampan untuk berdagang ke tempat yang lain. Tujuan mereka menyeberangi sungai adalah untuk mengunjungi saudara mara ataupun orang yang terdekat serta untuk urusan perdagangan. Bukan itu sahaja, penggunaan rakit masih lagi diwarisi oleh masyarakat Melayu sehingga kini dengan sempurna. Maka, dengan ini jelaslah bahawa masyarakat Melayu dahulu berinteraksi dengan unsur alam bukan sahaja di darat namun laut dan sungai juga digunakan bagi memudahkan urusannya.



Hal ini dapat dikaitkan dengan teori ekologi iaitu ekosistem dimana masyarakat Melayu dahulu berinteraksi dengan alam dalam kehidupan seharian mereka.

#### **4.4.3.2 Unsur alam sebagai bekalan oksigen bagi manusia**

Alam dengan manusia dikatakan bagai aur dan tebing dimana tiada pisah baginya. Hal ini telah dibuktikan oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi kerana tidak pernah dikategorikan sebagai pemusnah alam kerana mereka sangat menghargainya. Alam merupakan satu-satunya sebab manusia hidup dan menjalankan kehidupan seharian sehingga kini. Tanpa kita sedari, unsur alam seperti hutan, flora dan fauna membantu kehidupan manusia sebagai bekalan oksigen untuk kita bernafas. Oksigen merupakan suatu gas yang dibebaskan oleh tumbuhan ketika proses fotosintesis, dan diperlukan oleh manusia dan haiwan untuk pernafasan. Bekalan oksigen dikaitkan dengan interaksi alam kerana sifat masyarakat Melayu dahulu yang tidak menebang pokok secara haram ataupun memusnahkan alam yang tidak menyebabkan beberapa pencemaran. Hal ini dikaitkan dengan penebangan pokok secara haram oleh masyarakat yang tidak bertanggungjawab pada masa kini. Penebangan pokok secara haram dan pemusnahan alam telah menyebabkan beberapa kesan kepada manusia. Masyarakat kini adalah faktor utama kepada pencemaran yang berlaku. Unsur alam yang menjadi sebagai bekalan oksigen kepada manusia dapat dilihat dalam rangkap pantun yang terdapat dalam *Ghairah Dunia Empat Baris* seperti di bawah,

i. Hutan

Masuk **hutan** dalam belukar,  
Hendak cari pucuk rotan,  
Sebab durian menjadi mangkar,  
Waktu luruh ditimpa kawan

*(Perayaan Metafora)*

Hutan dikatakan sebagai paru-paru dunia kerana mempunyai peranan utama iaitu menyerap sejumlah besar gas rumah hijau seperti karbon dioksida dan membebaskan oksigen untuk manusia dan haiwan. Hutan ialah kawasan yang dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok serta habitat fauna. Malaysia merupakan hutan khatulistiwa atau dikenali sebagai hutan hujan tropika. Melalui hutan, masyarakat dapat menikmati udara yang bersih dan segar serta berasa selesa dengan persekitaran yang tidak mempunyai sebarang gangguan. Bukan itu sahaja, melalui pemuliharaan hutan, dapat mengelakkan kenaikan suhu kerana cuaca yang buruk berpunca daripada persekitaran yang tidak baik. Persekitaran yang tidak baik akan timbul apabila berlakunya pemusnahan hutan yang dilakukan oleh masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Jelaslah bahawa hutan merupakan suatu aset dunia yang tidak harus dimusnahkan kerana ianya merupakan sumber utama bekalan oksigen kepada manusia. Hal ini juga dikaitkan dengan teori ekosistem dimana masyarakat secara tidak langsung bergantung kepada alam iaitu hutan untuk meneruskan kehidupan seharian mereka.

#### **4.5 Kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu**

Sejarah telah membuktikan bahawa corak kehidupan masyarakat Melayu dahulu telah dicerminkan melalui puisi-puisi lama seperti pantun dan sebagainya. Menurut Za'ba (1965), dalam bukunya berjudul *Ilmu Mengarang Melayu* menyatakan bahawa pantun merupakan puisi tertua di dunia dan merupakan milik masyarakat Melayu. Selain itu, masyarakat Melayu dahulu merupakan masyarakat yang amat rapat dengan alam persekitarannya seperti alam flora, fauna, cakerawala dan sebagainya. Maka, mereka menggunakan unsur-unsur alam dalam penciptaan sebuah pantun sebagai perbandingan dan perlambangan yang berfungsi sebagai penyampaian nasihat dan pengajaran kepada masyarakat lain. Oleh hal yang demikian, masyarakat Melayu dahulu menunjukkan kebijaksanaan mereka melalui penciptaan pantun yang mempunyai beberapa kepentingannya.

##### **4.5.1 Pantun sebagai media komunikasi dalam kalangan masyarakat**

Masyarakat Melayu dahulu mencipta dan menyampaikan pantun dengan kepentingan tertentu antaranya sebagai salah satu media komunikasi. Masyarakat Melayu dahulu biasanya tidak akan berinteraksi secara langsung dengan semua orang maka pantun dijadikan sebagai satu alat untuk berkomunikasi sesama mereka. Mereka juga akan membalas pantun supaya dapat mengakrabkan lagi hubungan sesama mereka. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat Melayu dahulu menyampaikan ekspresi mereka melalui pantun. Sebagai contoh, pasangan kekasih akan menggunakan pantun sebagai satu media untuk meluahkan ekspresi dan melamar pasangannya untuk tahap yang seterusnya iaitu perkahwinan. Masyarakat Melayu dahulu juga menggunakan pantun untuk dihantar kepada saudara mara atau

rakan- rakan yang berada di jauh bagi bertanya khabar dan perkembangan kehidupan mereka. Oleh sebab kekurangan teknologi, pantun menjadi media yang menghubungkan dan merapatkan suatu hubungan tersebut. Di samping itu, sebarang berita atau jemputan juga akan dimulakan dengan pantun dan disampaikan kepada individu yang ingin diajukan. Masyarakat kini tidak lagi menyampaikan sebarang berita melalui pantun kerana kemajuan teknologi seperti media massa yang dapat ditonton melalui televisyen ataupun gadget. Jelaslah bahawa masyarakat Melayu dahulu menggunakan pantun bagi menunjukkan kebijaksanaan mereka.

#### **4.5.2 Pantun sebagai alat penyampaian tentang adat resam masyarakat Melayu**

Adat dikenali sebagai satu kepercayaan atau peraturan yang wajib diamalkan oleh semua masyarakat. Masyarakat Melayu dahulu sangat dikenali dengan kekuatan kepercayaan adat resamnya kerana mereka menekankan dan mengamalkannya sehingga kini. Hal ini juga dapat dilihat dalam peribahasa Melayu iaitu “biar mati anak, jangan mati adat”. Hal ini dilihat dan dikatakan bahawa orang-orang tua dahulu amat pandai dan berpengetahuan tentang adat resam daripada orang-orang muda. Malah terdapat segelintir daripada mereka kurang mengetahuinya maka pantun digunakan sebagai alat penyampaian tentang adat resam kepada individu yang terdekat atau saudara mara yang berada jauh.. Maka, pantun telah digunakan sebagai salah satu medium penyampaian adat-adat resam oleh masyarakat Melayu dahulu. Selain itu, fungsi pantun digunakan bagi menyampaikan adat resam adalah bagi membentuk peribadi generasi muda. Adat-adat yang dikemukakan melalui pantun ialah adat perkahwinan, pantang larang sebelum perkahwinan, pantang larang kepada ibu menganung dan sebagainya. Pantun juga yang dijadikan medium

penyampaian adat resam adalah untuk pengetahuan generasi-generasi baru. Kebijaksanaan masyarakat Melayu dapat dilihat dari zaman dahulu lagi kerana penyampaian mereka melalui pantun bukan sahaja sebagai media komunikasi malah adat resam juga disampaikan.

#### **4.5.3 Pantun sebagai bahan untuk menyatakan kehidupan masyarakat**

Kehidupan masyarakat dikatakan tidak sama rata kerana segelintirnya berkehidupan mewah dan adanya yang berkehidupan miskin. Dalam bab masyarakat dahulu, ramai daripadanya tidak mempunyai keadilan sama rata kerana terdapat perbezaan dari golongan atasan dan bawahan. Terdapat banyak lagi gambaran hidup masyarakat dahulu yang tersirat dan tersembunyi. Hal ini dibincangkan kerana pantun juga menjadi salah satu medium yang disampaikan kepada generasi muda tentang kehidupan yang dialami sehingga kini tidak kira dari segi politik, sosial mahupun ekonomi. Ketidaksamarataan kehidupan juga berpunca dari jajahan yang telah berlaku pada zaman dahulu. Masyarakat Melayu dahulu meluahkan perasaan atau isi hati mereka ke dalam pantun dan akan disiarkan sendiri kepada masyarakat lain. Oleh sebab, ramai daripada masyarakat Melayu gemar dalam penciptaan pantun, mereka telah menggunakan unsur-unsur alam bagi memberi maksud tersirat mengenai luahan yang ingin disampaikan. Melalui beberapa rangkap pantun dapat dilihat bahawa kehidupan masyarakat terutamanya golongan bawahan tidak mendapat keadilan seperti golongan atasan. Sehubungan dengan itu, kebijaksanaan masyarakat Melayu dapat dilihat melalui penyampaian pantun sebagai beberapa medium terutamanya sebagai penyampaian gambaran kehidupan masyarakat.

#### 4.6 Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian, yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* banyak menggunakan unsur alam di dalamnya. Selain itu, unsur alam yang terdapat dalam pantun telah memudahkan pengkaji untuk menghubungkan teori ekologi iaitu ekosistem bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Sebagaimana kita ketahui, masyarakat Melayu dahulu menggunakan pantun sebagai medium bagi memberi nasihat, sindir dan sebagainya yang telah membangkitkan perkembangan pantun ke tahap antarabangsa. Akhir sekali, melalui kajian ini, dapat membangkitkan kesedaran dan lebih mengetahui kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu yang mengaplikasikan unsur alam dalam pantun yang mempunyai maksud yang mendalam.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan keseluruhan karyanya yang merangkumi pemahaman teori ekologi dan kajian bagaimana masyarakat Melayu berinteraksi dengan alam dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*. Pengkaji akan memberikan gambaran keseluruhan kajian ini pada permulaan bab ini. Selain itu, pengkaji akan menawarkan idea untuk mempertingkatkan kajian ini dan menyatakan harapan untuk kajian ini pada pertengahan bab ini. Pengkaji akan memberikan sedikit rumusan ringkas bagi bab ini mengenai dapatan perbincangan kajian yang telah dilihat pada akhir bab ini.

#### 5.2 Perbincangan

Pada permulaan kajian ini yang dimulakan dengan bab satu (1) merangkumi pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasional dan organisasi bab serta diakhiri dengan kesimpulan bab. Pantun merupakan puisi tradisional yang digunapakai sehingga kini yang melambangkan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Keunikan pantun dapat dilihat melalui bahasa dan unsur alam yang digunakan bagi menghasilkan pantun. Selain itu, kalangan remaja masyarakat Melayu juga diajar bagi menghasilkan pantun secara

spontan kerana difahamkan pantun menjadi simbol keperibadiannya. Melalui kajian ini, ianya akan memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu bagi mengekalkan dan memajukan pantun ke tahap yang tinggi.

Perbincangan bagi bab dua (2) pula ialah mengenai tinjauan literatur bagi kajian ini. Tinjauan literatur telah dibahagikan kepada empat bahagian daripada tajuk kajian yang menfokuskan interaksi alam dengan masyarakat Melayu. Pengkaji telah melihat kajian-kajian lepas yang berkaitan pantun dan interaksi alam dengan masyarakat Melayu yang dihasilkan oleh para sarjana. Setelah mengumpul beberapa kajian lepas, pengkaji mendapati ramai pengkaji yang berminat untuk mengkaji dan mendalami tajuk kajian yang berkaitan pantun. Maka, pengkaji juga berminat dalam mengkaji keunikan pantun dan menganalisis unsur alam yang diterapkan dalam pantun.

Seterusnya dalam bab tiga (3), dibincangkan metodologi kajian iaitu kaedah kajian yang digunakan dalam menghasilkan dan menyempurnakan kajian ini. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan proses pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data dibahagikan kepada dua iaitu kaedah kepustakaan dan kajian analisis tekstual. Manakala bagi kaedah analisis data yang terdiri daripada kaedah analisis tekstual, struktural serta analisis teoritikal. Pengkaji telah menggunakan teori ekologi yang amat berkait dengan tajuk kajian ini bagi menjelaskan secara terperinci dan menyiapkan kajian berdasarkan objektif kajian. Akhir sekali, kajian ini juga dihasilkan dengan menggunakan sumber sekunder dengan merujuk artikel, jurnal, buku ilmiah dan tesis.

Dalam bab empat (4) pula dibincangkan objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji di permulaan kajian ini. Objektif kajian yang pertama ialah mengenalpasti unsur-unsur alam yang terdapat dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris*. Pengkaji telah mengenalpasti dan



menjelaskan maksud yang ingin disampaikan dalam pantun tersebut. Seterusnya, objektif kedua pula ialah mengkaji interaksi alam dengan masyarakat Melayu dahulu menggunakan teori ekologi. Pengkaji telah membincangkan interaksi yang berlaku di antara alam dengan masyarakat Melayu yang mana kita ketahui bahawa manusia bergantung kepada alam kerana mempunyai kebaikannya. Akhir sekali, objektif kajian ketiga ialah menganalisis kepentingan pantun sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu. Pengkaji ingin memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya masyarakat Melayu kini bahawa pantun mempunyai kepentingannya dan harus dibawa kepada generasi yang akan datang. Pantun juga menjadi lambang keperibadian dan kebijaksanaan masyarakat Melayu.

### 5.3 Cadangan

Pada bahagian ini pengkaji akan membincangkan mengenai cadangan bagi kajian yang dilakukan iaitu interaksi masyarakat melayu dengan alam dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* iaitu suatu pemahaman teori ekologi. Berpandukan kepada hasil analisis kajian, pengkaji mencadangkan supaya pihak-pihak tertentu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pihak media massa serta pengkaji yang akan datang agar dapat memperbanyakkan dan mendedahkan lagi sumber rujukan serta informasi-informasi berkaitan dengan kajian unsur alam di persada dunia.

#### 5.3.1 Cadangan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka

Pengkaji mencadangkan agar pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerbitkan lebih banyak buku dan bahan rujukan tentang unsur-unsur alam supaya dapat memberi pengetahuan kepada khalayak pembaca dan masyarakat tentang kepentingan alam kepada manusia untuk mengekalkan kehidupan. Cadangan ini adalah berdasarkan dapatan analisis kajian yang telah dilakukan. Ini berlaku kerana manusia tidak boleh wujud dan hidup dengan selamat tanpa unsur alam semula jadi sebenarnya, mereka memerlukan alam semula jadi seperti udara, air dan sumber semula jadi lain untuk terus hidup.

#### 5.3.2 Cadangan kepada pihak media massa

Pengkaji menunjukkan bahawa media massa termasuk televisyen dan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, dan YouTube memainkan peranan yang besar dalam mendidik masyarakat tentang unsur alam berdasarkan dapatan analisis kajian yang telah dilakukan. Ini berlaku kerana kajian mendapati bahawa sesetengah masyarakat tidak mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang

unsur alam. Mengikut dapatan kajian unsur alam, terdapat banyak pecahan antara unsur alam, salah satunya unsur alam buatan manusia, yang terdiri daripada bangunan dan lain-lain.

### **5.3.3 Cadangan kepada pengkaji masa hadapan**

Berdasarkan hasil analisis kajian yang telah dibuat, pengkaji mencadangkan agar pengkaji akan datang akan terus mengkaji penyelidikan tentang unsur-unsur alam. Pengkaji yang akan datang dinasihatkan untuk meneruskan kajian ini pada tahap yang lebih terperinci, contohnya kepentingan unsur alam kepada masyarakat, persepsi masyarakat terhadap unsur alam, dan sebagainya. Hal ini demikian kerana terdapat perkaitan yang sangat rapat dengan kajian unsur alam dan manusia.

## **5.4 Implikasi Kajian**

Kajian interaksi masyarakat Melayu dengan alam memberikan kepentingan kepada seluruh manusia namun terdapat beberapa implikasi kajian yang dikenalpasti.

### **5.4.1 Implikasi kajian kepada masyarakat**

Sebagaimana kita semua ketahui, pantun merupakan suatu puisi tradisional yang dibawa sehingga kini. Dalam penghasilan pantun, bahasa diberi keutamaan supaya keindahan dan keunikan dibentuk yang dapat memberi mesej yang baik kepada pembaca atau pendengar. Namun tidak semua masyarakat yang bijak dalam menghasilkan pantun terutamanya kalangan remaja kerana kurang pengalaman. Kajian pantun ini juga telah difahamkan bahawa penghasilan pantun biasanya berdasarkan pemahaman dan pengalaman. Penghasilan pantun juga berunsurkan tema seperti tema nasihat, sindiran, kasih sayang dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah melakukan kajian ini supaya kalangan remaja dapat menceburi diri dalam menghasilkan pantun dan mengekalkan keindahan pantun di masa hadapan.

### **5.4.2 Implikasi kajian kepada bidang kesusasteraan**

Kajian ini banyak menjelaskan bahawa penghasilan pantun memiliki keindahan dan keunikannya. Keindahan dan keunikannya dapat dikekalkan dengan bahasa yang indah dan jelas. Maka, penghasilan pantun perlu diasah dari kecil lagi kerana keunikan pantun akan tercemar jika keaslian pantun tidak dikekalkan oleh generasi akan datang. Hal ini akan menyebabkan bidang kesusasteraan tidak berkembang.

### 5.3 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji ini lebih tertumpu kepada interaksi masyarakat Melayu dengan alam dalam pantun *Ghairah Dunia Empat Baris* iaitu satu penelitian teori ekologi. Selain itu, terdapat banyak unsur-unsur alam yang diterapkan oleh pengarang Muhammad Haji Salleh dalam pantunnya. Oleh hal yang demikian, kajian ini boleh memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu dalam mengekalkan keindahannya supaya berkembang lagi ke persada dunia.



**RUJUKAN**

- Ahmad, Z. (2005). *Pantun Melayu Sebagai Manifestasi Sosiobudaya Dan Pensejarahan Melayu*.  
[https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/24035/Article\\_13.PDF](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/24035/Article_13.PDF)
- Al-Akiti, F. (2022). *Pantun Melayu Sudah Lama Berkelana di Rusia*. Dewan Sastera.  
<https://dewansastera.jendeladb.my/2022/01/01/2675/>
- Ani Awang. (2008). *Asal-usul pantun*. Pdfcoffee.com. <https://pdfcoffee.com/asal-usul-pantun-pdf-free.html>
- Al-Akiti, F. (2022). *Pantun Sumber Nilai Adab dan Tradisi Masyarakat Melayu*. Dewan Sastera. <https://dewansastera.jendeladb.my/2022/02/17/2912/>
- Cho Min Sung, & Mat. (2020). *Fungsi Pantun Melayu Tradisional Dilihat Dari Perspektif Budaya Dan Alam Pemikiran Masyarakat Melayu*.  
<http://jurnalpuitika.fib.unand.ac.id/index.php/jurnalpuitika/article/view/106/91>
- Dan, S. (2005). *Konsep alam pantun Melayu : analisis intertekstualiti / Shuib Dan*.  
<https://melayu.library.uitm.edu.my/4245/>
- Ensiklopedia Sains* (1979), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Fathin Izzati Binti Abd Hamid. (2022). *Interpretasi Padi Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Melalui Teks Pantun Pak Nazel 101 Perkara*.  
<http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3638/1/fathinizzatibintiabdhamidc18a0061.pdf>
- Hj Mohd Rashid Hj.Md Idris. (2012). *Nilai Kebijaksanaan Melayu dalam Pantun*.  
[file:///C:/Users/User/Downloads/NilaiKebijaksanaanMelayuDalamPantun\(1\).pdf](file:///C:/Users/User/Downloads/NilaiKebijaksanaanMelayuDalamPantun(1).pdf)

Jalinang Abd Kadir Chen. *Definisi Pantun*. / PDF. Scribd.

<https://www.scribd.com/doc/179873297/Definisi-Pantun>

Johari, Y. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif*.

[http://eprints.usm.my/30138/1/Johari\\_Yahya.pdf](http://eprints.usm.my/30138/1/Johari_Yahya.pdf)

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Khairulanwar Abdul Ghani, & Noriah Mohamed. (2019). *Analisis Sosiosemiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Nasihat*.

[https://www.akademiabaru.com/doc/ardv57\\_n1\\_p1\\_20.pdf](https://www.akademiabaru.com/doc/ardv57_n1_p1_20.pdf)

Mike Tyson Anak Paing. (2022). *Kosmologi Flora Dalam Pantun Iban : Satu Kajian Etnobotani Di Sarawak Menggunakan Teori Ekologi*.

<http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3759/1/miketysonanakpaingc18a0098.pdf>

Mohd Khairi bin Ariffin. (2010, September 22). *Fungsi Pantun dalam Masyarakat Melayu Tradisional*. RETIBASA. <http://retibasa.blogspot.com/2010/09/fungsi-pantun-dalam-masyarakat-melayu.html>

Nur Amelia Farhana Binti Zuraimi. (2022). *Estetika Dan Kebijaksanaan Dalam Pantun Melayu : Suatu Kajian Berdasarkan Puitika Sastera Melayu*.

<http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3716/1/NurAmeliaFarhanaZuraimi.pdf>

Nur Azlin Binti Muhammad Hisham. (2021). *Penelitian Unsur Alam Dalam Novel Suriati Karya Azizi Hj. Abdullah: Analisis Ekologi Nur Azlin Binti Muhammad Hisham*.

<http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3994/1/nurazlinmuhammadhisham.pdf>

Rabi.Rko. *Sejarah Pantun* / pdf. Scribd.

<https://www.scribd.com/doc/55814324/Sejarah-Pantun#>

Soga, M., & Gaston, K. J. (2020). *The ecology of human–nature interactions, Proceedings of the Royal Society B: Biological Sciences*, 287(1918), 20191882.

<https://doi.org/10.1098/rspb.2019.1882>

Wafa Hami. (2019). *Teori Ekologi Bronfenbrenner*. Academia.edu.

[https://www.academia.edu/3548155/Teori\\_Ekologi\\_Bronfenbrenner](https://www.academia.edu/3548155/Teori_Ekologi_Bronfenbrenner)

Wan Mazlan Wan Abu Bakar. *Fungsi Pantun / pdf*. Scribd.

<https://www.scribd.com/doc/283329730/Fungsi-pantun>

Zakaria, N. (2017). *(pdf) Akal Budi dan Cerminan Jati Diri Melayu dalam Pantun*.

ResearchGate.

<https://www.researchgate.net/publication/324866095AkalBudidanCerminanJatiDiriMelayudalamPantun>


Zakaria, N., Abdullah, A., Zarina, S., Zakaria, S., Hanida, M., Mutalib, A., Lambri, A.,

Jamaldin, S., Sulaiman, M., & Derak, R. (2017). *Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun Akal Budi and Reflection of Malay Identity in Pantun*.

[http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files7/jsass\\_vol4bil2\\_008\\_norazimah.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files7/jsass_vol4bil2_008_norazimah.pdf)



# LAMPIRAN



Muka hadapan buku *Ghairah Dunia Empat Baris*



Muka belakang buku *Ghairah Dunia Empat Baris*